

EDISI  
TERKINI

Langkah Pertama Anda Menguasai Dialek Arab Mesir

**KIT**

**DIALEK  
MESIR**

[Buku Utama]

**KHALIF RIZAL**

WWW.DIALEKMESIR.COM

## Notis Hakcipta (Copyright)

Hakcipta ebook dan keseluruhan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, fail suara, fail video dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Sakhr Solution, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pembaca dibenarkan untuk menyebarkan ilmu yang diperolehi dengan cara yang tersendiri. Namun, sesiapa pun tidak dibenarkan mengubah, menyalin, mengedar, menerbitkan, melesenkan, menjual atau menghantar dokumen ini kepada pihak ketiga dalam apa apa bentuk sekali pun tanpa tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada Sakhr Solution.

**Ebook bukanlah seperti buku bercetak. Jika anda berikan buku bercetak kepada orang lain tetap dikira 1 unit. Tetapi ebook yang dikongsikan kepada orang lain sudah dikira 2 unit.**

Sekiranya anda menerima dokumen "*Kit Dialek Mesir*" melalui emel atau WhatsApp atau aplikasi seumpamanya

secara sepenuhnya atau sebahagian tanpa membeli dokumen ini dari Sakhr Solution, maka anda telah memiliki dokumen ini secara tidak sah.

**Sila lupuskan serta-merta.**

Penulis : Nik Ahmad Khalif Bin Nik Ahmad Rizal

Editor : Nurul Amni Binti Azharan

Edisi Pertama Disember Disember 2018.

Edisi Kedua Julai 2019

Diterbitkan Oleh: Sakhr Solution.

# Isi Kandungan

Isi Kandungan	1
MUKADDIMAH PENULIS	6
BAB 1 Huruf Dalam Dialek Mesir	9
BAB 2 Kata Ganti Nama Diri (Arab: الضمير)	17
2.1. Dhamir Munfasil dalam Dialek Mesir	19
2.2. Dhamir Muttasil dalam Dialek Mesir	22
2.2.1. Dhamir Yang Bersambung Dengan Isim	22
2.2.2. Dhamir yang Bersambung dengan Harf dan Zorof	51
2.2.3. Kaedah Berkaitan ‘Ataf Dhamir	58
BAB 3 Kata Tunjuk	61
BAB 4 Pertanyaan Dalam Dialek Mesir	68
4.1. Penggunaan هُوَ dan هِيَ dalam pertanyaan	78
BAB 5 Kata Kerja dalam Dialek Mesir	80

5.1. Fi'il Madhi (Arab : <i>الفعل الماضي</i> )	84
5.2. Fi'il Mudhari' ( <i>الفعل المضارع</i> ) dalam Dialek Mesir	99
5.3. Tambahan Huruf <i>ب</i> Berbaris Kasrah di Awal Fi'il Mudhari'	104
5.4. Beberapa Keadaan Yang Tidak Boleh Ditambah Huruf <i>ب</i>	109
5.5. Fi'il Amr ( <i>فعل الأمر</i> ) dalam Dialek Mesir	115
5.5.1. Persoalan: Apakah maksud perkataan <i>بَقَا</i> atau <i>بَقِيَ</i> ini?	122
5.6. Perbuatan Akan Datang Dalam Dialek Mesir	128
5.7. Penggunaan <i>اسم الفاعل</i> Pada Tempat Fi'il	130
5.7.1. Isim al-Fa'il Sebagai Fi'il Madhi	130
5.7.2. Isim al-Fa'il Sebagai Fi'il Mudhari'	131
5.7.3. Isim al-Fa'il Sebagai Perbuatan Akan Datang	132
5.7.4. Pembentukan Ism al-Fa'il	137

5.8. Fungsi كَانُ dalam Ayat Dialek Mesir	140
5.9. Antara bentuk penggunaan lain كان	147
.5.10 Penggunaan perkataan خَلَّاصٌ	148
.5.11 Fi'il Bina Majhul dalam Dialek Mesir	151
.5.12 Al-Ta'diah dalam Dialek Mesir	161
5.13. Perkara Penting yang Perlu Diberi Perhatian Berkaitan Kata Kerja	168
BAB 6 Penafian dalam Dialek Mesir	173
6.1. Penafian Kata Nama.	173
6.2. Penafian Kata Kerja	176
6.3. Penafian Kata Kerja Yang Bersambung Dengan Dhamir	186
6.4. Penggunaan Perkataan لِسْنَهُ dalam Dialek Mesir	189
Bentuk Pertama	189
Maklumat Tambahan:	192

Bentuk Kedua	193
BAB 7 Larangan dalam Dialek Mesir	197
BAB 8 KATA HUBUNG RELATIF	205
8.1. Ayat yang Menggunakan <i>elli</i>	206
8.2. Persamaan Antara اللّٰي بِ dan juga أُمُّ / أَبُو	213
BAB 9 Al-Muthanna (المُتَنَّى) dan Al-Jam' (الْجَمْع)	218
9.1. Al Muthanna	218
9.2. Al-Jam'	220
BAB 10 Kata Adjektif dalam Dialek Mesir	224
BAB 11 Al-Idhafah	226
BAB 12 Ism al-Tafdhil	228
BAB 13 Pemilikan Menggunakan بِنَاع	234
13.1. Beberapa Makna Lain Untuk بِنَاع	238
BAB 14 Al-Zharf	244

BAB 15 Nombor dan Bilangan	248
15.1. Nombor Ordinal	248
15.2. Nombor Kardinal	250
15.3. Nombor Sebelum Ma'dud	256
15.4. Cara Menyebut Nombor Perpuluhan	260
BAB 16 Masa, Hari, Tarikh, Bulan	264
16.1. Masa	264
16.2. Hari	268
16.3. Tarikh	269
BAB 17 Gelaran Panggilan	271
BAB 18 Warna	274
BAB 19 Ism al-Dala' (Arab: اسم الدُّعَى)	277

## **MUKADDIMAH PENULIS**

Sebagaimana yang diketahui oleh pembaca, dialek Mesir pada hakikatnya berasal dari bahasa Arab juga. Namun setelah melalui masa yang panjang, pelbagai perubahan telah berlaku. Oleh itu masih banyak perkara dalam bahasa Arab Fusha yang digunakan dalam dialek Mesir.

Dalam buku ini, penulis kumpulkan asas-asas dan kaedah penting dalam dialek Mesir. Penulis nyatakan kaedah-kaedah yang berbeza dengan bahasa Arab Fusha dan juga kaedah yang langsung tidak digunakan dalam bahasa Arab Fusha.

Ada ketika penulis memberikan padanannya dalam bahasa Arab Fusha dan ada ketikanya juga penulis hanya memberi isyarat bahawa istilah-istilah tertentu dipinjam daripada bahasa Arab Fusha bagi memudahkan kefahaman pembaca. Walaupun

hakikatnya istilah tersebut digunakan dalam bahasa Arab Fusha untuk sesuatu yang berbeza. Antara contohnya ialah bab al-fi'il al mabni lil majhul dalam dialek Mesir.

Kesemua contoh-contoh ayat yang diberikan dalam buku ini disertakan dengan baris dan dua jenis terjemahan (*literal* dan makna) supaya pembaca dapat memahami setiap contoh dengan baik. Transliterasi juga diberikan. Namun, penulis hanya menggunakan huruf-huruf rumi dan tidak menggunakan sistem transliterasi Arab – Melayu yang *standard*.

Bagi memperolehi hasil yang optimum, pembaca disarankan untuk menghafal contoh-contoh yang diberikan dalam setiap tajuk setelah memahaminya dengan baik.

Perlu diingatkan bahawa untuk menguasai dialek Mesir pada tahap yang terbaik dan hampir menyamai penutur jati, pembaca juga perlu sentiasa berusaha memperkukuh dan memperkasakan kemahiran dalam bahasa Arab Fusha seperti asas-asas Nahu, Sorof, kosa kata, frasa dan binaan ayat.

Setelah menghadam kaedah-kaedah dalam buku ini dengan baik pembaca bolehlah membaca buku “Bank Kata Kerja” yang dibekalkan bersama Kit Dialek Mesir ini sebagai latihan dan pemantapan terhadap apa yang telah dipelajari . Contoh-contoh yang diberikan dalam buku tersebut mencakupi hampir semua bab dalam buku ini.

Kemudian, selepas itu barulah pembaca boleh bebas mencari dan mengayakan kosa kata dan kemahiran membina ayat sendiri melalui latihan mendengar, menonton dan membaca menggunakan bahan dan *platform* yang dicadangkan di bab 3 dalam buku Teknik Belajar Dialek Mesir Sendiri.

Semoga berjaya!

***Khalif Rizal,***

El-Sayyeda Zeinab, Kaherah,

1 Mei 2019.

## **BAB 1**

### **Huruf Dalam Dialek Mesir**

Sebelum membincangkan perkara-perkara yang lebih kompleks, suka untuk penulis ceritakan sedikit perbezaan antara sebutan huruf-huruf dalam dialek Mesir dan bahasa Arab Fusha.

Perkara ini sangat penting kerana ianya memberi kesan semasa proses mendengar dan juga semasa bertutur.

Dengan mengetahui sebutan yang betul bagi setiap huruf, kita dapat membuat agakan dan memahami pertuturan dalam bahasa Mesir dengan lebih mudah dan membantu kita untuk memperbaiki sebutan ke arah menyamai sebutan penutur asli.

Berkenaan sebutan huruf dalam dialek Mesir, ada ketika huruf-huruf disebut sama seperti dalam dialek Fusha. Ada ketika lain pula huruf-huruf disebut dengan cara yang berbeza. **Persoalannya bilakah ianya disebut sama seperti dalam**

**bahasa Arab Fusha dan bilakah disebut dengan cara yang dinyatakan di bawah ini?**

**Sebenarnya tiada kaedah yang tetap dalam menentukan perkara ini. Sumber kita dalam cara sebutan ialah penutur asli. Bagaimana mereka menuturkannya, begitulah kita mesti menuturkannya.**

Apa yang dikongsikan dalam bab ini hanyalah sekadar pendedahan agar pembaca tahu bahawa ada huruf-huruf tertentu dalam dialek Mesir yang sebutannya tidak sama dengan bahasa Arab Fusha.

ق

**Dalam kebanyakan keadaan, huruf القاف disebut sebagaimana huruf الهمزة (أ).**

Contohnya:

- 1- أَيْرُ -> قَائِرُ
- 2- بِيُؤُولُ -> بِيُقُولُ
- 3- الأَلَمُّ -> القَلَمُ
- 4- الأَمْرُ -> القَمْرُ

Namun, ada ketikanya huruf القاف sama seperti dalam bahasa Arab Fusha. Contohnya: العقيدة.

ث



التاء

Contoh:

أنا ساكنٌ في الدُورِ الثاني

Saya Tinggal di Tingkat **Kedua**

السين

Contoh:

زَيِّ إِيهْ مَثَلًا؟ (Sebut: Masalan)

Contohnya macam mana?

ج



Bunyi G

Contoh:

جَمْبَرِي! (Sebut: Gambari)

Bunyi asal ج

Contoh:

جِيْبَة (Sebut: Jiiba)

ذ



الزاي

Contoh:

ذَاكِرْ عَشَانَ تَنْجَحْ فِي الْإِمْتِحَانِ

Ulangkaji supaya kamu lulus

الذال

Contoh:

عُمْرِي مَا بَكَدِبْ عَلَى حَدِّ

Seumur hidup saya tak

ظ



الضاد

Contoh:

اَشْتَرَيْتُ نَضَّارَةً شَمْسٍ اِمْبَارِحُ

Saya beli *sunglasses*

Sebutan asal


ظ

Contoh:

الظُّلْمُ


Zalim

ض



الظاء  
Contoh:  
الظابط  
Polis

Sebutan asal  
ض  
Contoh:  
الرضا



## BAB 2

### Kata Ganti Nama Diri (Arab: الضَّمِير)

Sebagaimana dalam bahasa Arab Fusha, Kata Ganti Nama Diri (Arab: الضَّمِير) dalam dialek Mesir dari sudut **bersambung** dengan perkataan lain atau **tidak bersambung**, dibahagikan kepada dua, iaitu dhamir **munfasil** dan **muttasil**.

**Dhamir munfasil** adalah dhamir yang boleh berada sendiri dalam ayat tanpa perlu bersambung atau bergabung dengan mana-mana perkataan lain. Contohnya seperti هو, هي, هم dan lain-lain.


Manakala **dhamir muttasil** pula adalah dhamir yang tidak dapat berada di dalam ayat melainkan mesti bersambung atau bergabung dengan perkataan lain seperti هَا, هُكَ dan sebagainya.

Apa yang berbeza dengan bahasa Arab Fusha, **dhamir atau kata ganti nama diri dalam dialek Mesir hanya ada 8**. Dhamir yang

menunjukkan bilangan **'dua orang'** (seperti هُمَا dan أَنْتُمَا) dan juga **'mereka'** untuk perempuan (هُنَّ) **tidak digunakan.**

## 2.1. Dhamir Munfasil dalam Dialek Mesir

Dhamir munfasil dalam dialek Mesir hanya **mencakupi 8 dhamir sahaja** daripada 14 dhamir yang ada dalam bahasa Arab Fusha. Dhamir-dhamir tersebut adalah seperti dalam jadual berikut.



## Dhamir Mukhatab

أَنْتَ

أَنْتِ

أَنْتُمْ

**'Kamu/Awak'.**

Digunakan untuk  
**lelaki** sahaja.

**'Kamu/Awak'.**

Digunakan untuk  
**perempuan** sahaja.

**'Kalian'.**

Digunakan untuk  
**lelaki dan**  
**perempuan** yang  
bilangannya  
melebihi seorang.

## Dhamir Mutakallim

أَنَا

**'Saya'**. Digunakan untuk lelaki dan perempuan.

إِحْنَا

**'Kita atau kami'**. Digunakan untuk lelaki dan perempuan yang bilangannya melebihi seorang.

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, dhamir أنتما, هما, أنتن, dan juga هنّ tidak digunakan dalam dialek Mesir.

## 2.2. Dhamir Muttasil dalam Dialek Mesir

Dhamir muttasil dalam dialek Mesir dari sudut perkataan yang bersambung dengannya terbahagi kepada tiga. Dhamir yang bersambung dengan kata nama (Arab: الاسم), harf (Arab: الحرف) dan juga kata kerja (Arab: الفعل).

Dalam bab ini, penulis hanya akan membincangkan dua bahagian sahaja iaitu dhamir yang bersambung dengan dan juga dhamir yang bersambung dengan harf dan zorof kerana melihat kepada kepentingan untuk difahami kedua-duanya dengan baik oleh pembaca.

Dhamir yang bersambung dengan fi'il akan dibincangkan dalam bab fi'il.

### 2.2.1. Dhamir Yang Bersambung Dengan Isim

**Dari sudut makna**, dhamir-dhamir yang bersambung dengan kata nama ini membawa maksud **pemilikan**. Sebagai contoh:

سُنْطَةٌ - Beg.

Apabila disambungkan dengan dhamir **ي** yang bermaksud 'saya', maknanya akan berubah menjadi 'beg saya' ataupun 'beg milik saya'.

**سَنْطِيتِي** - Beg saya.

Bentuk dhamir-dhamir yang bergabung dengan kata nama ialah seperti berikut:

Dhamir	Ketika Bersambung Dengan Kata Nama	Contoh
أَنَا	سِي / سِيَّ	كِتَابِي
إِحْنَا	نَا	كِتَابِنَا
هُوَ	هُ	كِتَابُهُ
هِيَ	هَا	كِتَابُهَا

هُمْ	هُمْ _____	كِتَابُهُمْ
أَنْتَ	أَنْتَ _____	كِتَابُكَ
أَنْتِي	أَنْتِي _____ / أَنْتِ _____	كِتَابِكِ
أَنْتُمْ	أَنْتُمْ _____	كِتَابُكُمْ

**Dari sudut sebutan**, penting untuk pembaca ketahui bahawa dalam pertuturan dialek Mesir, **baris pada huruf akhir untuk setiap perkataan tidak disebutkan**. Kerana itu pembaca mendapati baris huruf كُ untuk أَنْتَ dan كِ untuk أَنْتِي disukunkan.

Untuk memahami bab ini dengan baik, penulis **membahagikan kata nama kepada beberapa bentuk** supaya pembaca dapat melihat cara **sebutan yang berbeza-beza apabila kata nama yang berada dalam bentuk-bentuk tertentu bergabung dengan dhamir**.

Jenis-jenis tersebut ialah:

1. **Jenis Pertama: Perkataan biasa.** Kebanyakan perkataan dalam pertuturan seharian dialek Mesir termasuk dalam kategori ini. Perkataan ini berakhir dengan **satu konsonan**<sup>1</sup>.

Huruf terakhirnya sahaja yang berbaris sukun, manakala huruf sebelum terakhir tidak berbaris sukun. Seperti:

---

<sup>1</sup> Dalam bahasa Arab, vokal dibahagikan kepada dua. Iaitu vokal panjang dan vokal pendek. Vokal pendek merujuk kepada setiap baris yang berada pada huruf. Contoh, perkataan السلام. Baris pada huruf س, ل, dan م menerima baris. Jadi setiap baris itu adalah vokal.

Vokal panjang merujuk kepada huruf ا, و, ي yang didahului oleh huruf yang mempunyai baris yang sejenis dengannya. Sekiranya huruf alif, maka sebelumnya huruf berbaris fathah, sekiranya ya' sebelumnya kasrah dan sekiranya waw maka sebelumnya dhammah.

Sebagai contoh الرسول. Huruf و dalam perkataan ini adalah vokal panjang sebab didahului oleh huruf berbaris الضمة yang merupakan sejenis dengannya.

Manakala, huruf konsonen pula adalah setiap huruf yang tidak berbaris.

المَكْتَبُ

2. **Jenis Kedua:** Perkataan yang berakhir dengan **dua huruf yang berbaris sukun berturut-turut**. Dalam erti kata lain, perkataan yang berakhir dengan **dua konsonan**. Contohnya:

الفَصْلُ

Perkataan ini berakhir dengan dua sukun iaitu sukun yang berada pada huruf اللام dan juga الصاد.

3. **Jenis Ketiga:** Perkataan yang berakhir dengan **ta' al marbutah secara umum**. Seperti:

الجَزْمَةُ

4. **Jenis Keempat:** Perkataan yang berakhir dengan **ta' al marbutah dan suku kata sebelum yang terakhirnya** ialah

**vokal.** Tidak kira vokal panjang(*harf al-mad*) atau pendek (baris – *tashkeel*), kedua-duanya termasuk dalam kategori ini. Lihat contoh berikut:

سَلَامَةٌ (Baca: Sa *laa* mah)

Perkataan ini mempunyai tiga suku kata.

Suku kata **pertama**: Sa

Suku kata **kedua – sebelum terakhir**: *Laa*

Suku kata **ketiga - akhir**: mah (ketika berada di akhir) atau *met*<sup>2</sup> (menjadi mudhaf).

---

<sup>2</sup> Untuk perkataan yang berakhir dengan ta' al-marbutah (ة), orang Arab tidak menyebut huruf ta' marbutah itu jika berada di akhir perkataan. Contohnya:

عَائِزَةٌ - Saya mahu (P)

نَازِلَةٌ - Saya akan turun (P)

Walaupun perkataan ini diakhiri huruf ta' akan tetapi dalam sebutan huruf itu seolah-olah tidak ada. Sebutannya hanya akan menjadi:

---

عَايِزًا – ‘ayza

نَازِلًا - nazla

Begitu juga perkataan yang bersambung dengan perkataan selepasnya (biasanya perkataan muannath yang diikuti dengan sifatnya selepas itu) yang kedua-duanya ada أل seperti:

اللغة العربية.

المدينة المنورة

Sebutannya menjadi:

اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ - ellughal 'arabeyya

الْمَدِينَةُ الْمُنَوَّرَا - elmedinal munawwara

**Akan tetapi ada juga keadaan yang mana ta' marbuthah dibunyikan.**  
Biasanya apabila perkataan yang mempunyai ta' marbuthah itu **menjadi mudhaf.**

Contohnya:

مَدِينَةُ بَدْرٍ

Suku kata yang terakhir adalah *mah*, jadi suku kata **sebelum terakhir** adalah *Laa*. Suku kata ini berakhir dengan **vokal panjang** (harf al-mad).

Manakala contoh perkataan yang suku kata sebelum terakhirnya adalah **vokal pendek (baris - tashkeel)** adalah:

مُشْكِلَةٌ (Sebut: *Mush ki lah*)

Perkataan ini juga mempunyai tiga suku kata:

---

مِنْ شَيْدَّةٍ غَضَبِي

مَحَطَّةٍ رَمْسِيْس

Sebutannya menjadi:

Madinet Badr

Min syiddet ghadabi

Mahattet Ramsis

Suku kata **pertama**: *Mush*

Suku kata **kedua – sebelum akhir**: *Ki*

Suku kata **ketiga - akhir**: *Lah*

5. **Jenis Kelima**: Perkataan yang mempunyai **bentuk seperti** فَاعِلٌ – berada atas wazan ini.

6. **Jenis Keenam**: Perkataan yang **berakhir dengan vokal panjang – sebelum akhirnya ialah huruf *alif, waw* atau *ya'***. seperti جَمَالٌ, كِتَابٌ, مَرَاجٌ.

Supaya pembaca dapat melihat sendiri perubahan-perubahan yang berlaku pada setiap jenis perkataan ini, pembaca disarankan untuk perhatikan dengan baik jadual bagi setiap jenis perkataan di bawah dan sentiasa membuat latihan sebutan.

## Jenis Pertama: Perkataan Yang Berakhir dengan Satu Konsonan

مَكْتَبٌ

Maktabi	مَكْتَبِي	أنا
Maktabak	مَكْتَبِكْ	إِنَّتْ
Maktabik	مَكْتَبِكِ	إِنَّتِي
Maktabu	مَكْتَبُهُ	هُوَ
Maktabha	مَكْتَبِهَا	هِيَ
Maktabhum	مَكْتَبِهِمْ	هُمَّ
Maktabkoo	مَكْتَبَهُمْ	إِنَّتُو
Maktabna	مَكْتَبِنَا	إِحْنَا

Jika pembaca perhatikan, isim yang berada dalam kotak **berwarna oren**, huruf terakhirnya<sup>3</sup> **mempunyai baris(tashkeel)**. Berbeza dengan isim yang berada dalam kotak **tidak berwarna**, huruf terakhirnya **berbaris sukun**.

Ini kerana dhamir yang **bersambung dengan isim** terbahagi kepada **dua jenis**:

**Pertama:** Dhamir yang terdiri daripada **satu huruf yang berbaris sukun**.

**Kedua:** Dhamir yang terdiri daripada **dua huruf dan huruf pertamanya mempunyai baris**

Oleh itu, pembaca mendapati isim yang bersambung dengan dhamir yang berbaris sukun dihidupkan baris akhirnya. Manakala isim yang bersambung dengan dhamir yang huruf pertamanya mempunyai baris, dimatikan huruf akhirnya.

---

<sup>3</sup> Iaitu huruf الباء.

**Lihat contoh berikut:**

**مَكْتَبُهُ** – Dhamir ini terdiri daripada **satu huruf yang berbaris sukun** iaitu هُ, maka huruf akhir isim tersebut dibariskan.

**مَكْتَبِهَا** – **Huruf pertama** dalam dhamir ini iaitu هَ **mempunyai baris**, maka huruf akhir dalam isim tersebut dimatikan.

**Penting: Kaedah ini terpakai dalam semua jenis perkataan kecuali jenis yang kedua – akan diterangkan selepas ini.**

**Nota:**

Untuk dhamir انت dan انتي, dalam bahasa Arab Fusha adalah كَ dan juga كِ. Namun dalam dialek Mesir, huruf كِ bagi kedua-dua dhamir ini sentiasa sukun. Apa yang membezakan antara انت dan انتي adalah baris pada perkataan sebelumnya. Contoh:

انتَ	مَكْتَبُكَ
انتِي	مَكْتَبِكِ

\*Perhatikan pada baris huruf الباء.

## Jenis Kedua: Perkataan Yang Berakhir dengan Dua Konsonen

فَصْنٌ

Fasli	فَصْنِي	أنا
Faslak	فَصْنَاكَ	إنتَ
Faslik	فَصْنَاكَ	إنتِي
Faslu	فَصْنُهُ	هُوَ
Faslaha	فَصْنَاهَا	هِيَ
Fasluhum	فَصْنُهُمْ	هُمَّ
Fasluku	فَصْنَاكُمْ	إنتُ
Faslina	فَصْنَانَا	إحنا

Jika pembaca perhatikan, isim dalam **kotak berwarna oren**, kaedahnya masih sama seperti kaedah dalam perkataan jenis pertama sebelum ini – **isim yang bersambung dengan dhamir yang berbaris sukun dihidupkan baris akhirnya.**

Namun untuk isim yang berada dalam **kotak berwarna putih berbeza dengan kaedah sebelum ini.** Walaupun bersambung dengan dhamir yang huruf pertamanya mempunyai baris, huruf terakhir bagi isim itu<sup>4</sup> juga dibariskan. Isim ini bariskan dengan **baris yang sejenis** dengan baris dhamir selepasnya **kecuali dhamir احنا**. Contoh:

هَآ	فَصَلَّاهَا
هُمَّ	فَصَلَّاهُمْ
كُو	فَصَلَّاهُمْ

---

<sup>4</sup> Dalam contoh ini, merujuk kepada huruf اللام.

Untuk dhamir احنا akhir perkataan yang bersambung dengannya akan **dibariskan dengan *kasrah*** – disebabkan baris *kasrah* lebih ringan daripada *fathah*. Contoh

Fasl <sup>na</sup>	فَصَلْنَا
'and <sup>na</sup>	عِنْدَنَا
Film <sup>na</sup>	فِيْلْمَنَا

\*Perhatikan baris huruf terakhir dalam setiap perkataan. Huruf terakhir perkataan adalah huruf sebelum dhamir نَا dan kesemuanya berbaris *kasrah* seperti yang telah dinyatakan.

## Jenis Ketiga: Perkataan yang Bersambung dengan Ta' al-Marbutah

جَزْمَةٌ

Gazmeti	جَزْمَتِي	أنا
Gazmetak	جَزْمَتِكَ	إِنَّتَ
Gazmtik	جَزْمَتِكَ	إِنَّتِي
Gazmetuh	جَزْمَتُهُ	هُوَ
Gazmetha	جَزْمَتِهَا	هِيَ
Gazmethum	جَزْمَتُهُمْ	هُمَّ
Gazmetko	جَزْمَتُكُو	إِنَّتُو
Gazmetna	جَزْمَتِنَا	إِحْنَا

Perubahan berlaku pada baris huruf sebelum ta' al marbutah, di mana huruf tersebut yang asalnya<sup>5</sup> berbaris fathah menjadi kasrah. Dalam contoh ini merujuk kepada huruf الميم.

---

<sup>5</sup> Sebelum idhafah atau dalam bahasa mudahnya, sebelum bersambung dengan dhamir.

**Jenis Keempat: Perkataan yang Berakhir dengan Ta' al Marbutah yang Suku Kata Sebelum Akhir Perkataan Berakhir dengan Vokal<sup>6</sup>**

**مُشْكَلَةٌ (Sebut: Mush ki lah)**

Perkataan ini mempunyai tiga suku kata, iaitu: *mush*, *ki*, *lah*. Suku kata sebelum yang terakhir adalah *ki* dan suku kata ini berakhir dengan vokal pendek.

Mush kil ti	مُشْكَلْتِي	أنا
Mush kil tak	مُشْكَلْتِكِ	إنتِ
Mush kil tik	مُشْكَلْتِكِ	إنْتِي
Mush kil tu	مُشْكَلْتُهُ	هُوَ
Mush kilet ha	مُشْكَلْتِهَا	هِيَ

---

<sup>6</sup> Lihat contoh yang telah diberikan sebelum ini supaya lebih jelas.

Mush kilet hum	مُشْكِلْتَهُمْ	هُمَّ
Mush kilet ko	مُشْكِلْتَكُمْ	إِنَّتُمْ
Mush kilet na	مُشْكِلْتَنَا	إِحنَا

Pembaca perhatikan perkataan yang berada dalam **kotak oren**, huruf **sebelum ta' al-marbutah disukunkan**. Berbeza dengan perkataan-perkataan dalam **kotak putih**, huruf **sebelum ta' al-marbutah** dibariskan dengan **baris kasrah**.

## سَلَامَةٌ (Sebut: Sa laa mah)

Perkataan ini mempunyai tiga suku kata, iaitu: *sa*, *laa*, *mah*.

Suku kata sebelum yang terakhir adalah *laa* dan suku kata ini berakhir dengan vokal panjang.

Sa lam ti	سَلَامَتِي	أَنَا
Sa lam tak	سَلَامَتَاكَ	أَنْتَ
Sa lam tik	سَلَامَتِكَ	أَنْتِي
Sa lam tu	سَلَامَتُهُ	هُوَ
Sa lamet ha	سَلَامَتِهَا	هِيَ
Sa lamet hum	سَلَامَتُهُمْ	هُمْ
Sa lamet ko	سَلَامَتِكُمْ	أَنْتُمْ
Sa lamet na	سَلَامَتِنَا	إِنَّا

Juga seperti contoh sebelum ini, bagi perkataan yang berada dalam **kotak oren**, huruf **sebelum ta' al-marbutah** **disukunkan**.

Manakala perkataan-perkataan dalam **kotak putih**, huruf **sebelum ta' al-marbutah** dibariskan dengan **baris kasrah**.

## رِجَالَةٌ (Sebut: Rig gaa lah)

Perkataan ini mempunyai tiga suku kata, iaitu: *rig*, *gaa*, *lah*.

Suku kata **sebelum terakhir** ialah *gaa* dan berakhir dengan **vokal panjang**.

Rig gal ti	رِجَالَتِي	أنا
Rig gal tak	رِجَالَتِكَ	إِنَّتَ
Rig gal tik	رِجَالَتِكَ	إِنِّي
Rig gal tu	رِجَالَتُهُ	هُوَ
Rig galet ha	رِجَالَتِهَا	هِيَ
Rig galet hum	رِجَالَتُهُمْ	هُمْ
Rig galet ko	رِجَالَتُكُو	إِنَّتُو
Ri galet na	رِجَالَتُنَا	إِحنَا

Jenis Kelima: Perkataan yang mempunyai bentuk seperti فَاعِلٌ.

والِدٌ (Sebut: *Waa lid*)

<i>Wal di</i>	وَالِدِي	أَنَا
<i>Wal dak</i>	وَالِدَاكَ	إِنْتِ
<i>Wal dik</i>	وَالِدِيكَ	إِنْتِي
<i>Wal du</i>	وَالِدُهُ	هُوَ
<i>Wa lid ha</i>	وَالِدَهَا	هِيَ
<i>Wa lid hum</i>	وَالِدَهُمْ	هُمْ
<i>Wa lid ko</i>	وَالِدِكُمْ	إِنْتُمْ
<i>Wa lid na</i>	وَالِدِنَا	إِنَّا

**Penting:** Untuk isim jenis ini, perubahan hanya berlaku bagi isim yang berada dalam **kotak oren**. Perubahan yang berlaku ialah, **huruf sebelum akhir disukunkan**.

\* Huruf yang berwarna merah merupakan huruf sebelum akhir.

Begitu juga seperti contoh dibawah:

**صَاحِبٌ (Sebut: *Saa hib*)**

<i>Sah bi</i>	صَاحِبِي	أنا
<i>Sah bak</i>	صَاحِبُكَ	إنتَ
<i>Sah bik</i>	صَاحِبِكِ	إنتِ
<i>Sah bu</i>	صَاحِبُهُ	هُوَ
<i>Sa hib ha</i>	صَاحِبِهَا	هِيَ
<i>Sa hib hum</i>	صَاحِبُهُمْ	هُمَّ

<i>Sa hib ko</i>	صَادِبُكُو	إِنُّو
<i>Sahebna</i>	صَادِبِنَا	إِحْنَا

## Jenis Keenam: Perkataan yang Berakhir dengan Vokal Panjang

Tidak ada apa-apa perubahan yang berlaku kepada **isim** dalam bentuk ini.

Hanya perlu **perhatikan huruf akhirnya sahaja** seperti dalam contoh-contoh sebelum ini. Iaitu isim yang bergabung dengan dhamir yang huruf pertamanya sukun, dihidupkan baris akhirnya. Manakala isim yang bergabung dengan dhamir yang huruf pertamanya mempunyai baris (*tashkeel*), dimatikan huruf akhirnya.

### مَزَاجٌ

<i>Ma zaa gi</i>	مَزَاجِي	أنا
<i>Ma zaa gak</i>	مَزَاجِكْ	إنتَ
<i>Ma zaa gik</i>	مَزَاجِكِ	إنتِ
<i>Ma zaa gu</i>	مَزَاجُهُ	هُوَ

<i>Ma zag ha</i>	مَزَاجُهَا	هِيَ
<i>Ma zag hum</i>	مَزَاجُهُمْ	هُمْ
<i>Ma zag ko</i>	مَزَاجُكَو	إِنَّتُو
<i>Ma zag na</i>	مَزَاجِنَا	إِحْنَا

## كِتَابُ


<i>Ki taa bi</i>	كِتَابِي	أَنَا
<i>Ki taa bak</i>	كِتَابِكَ	إِنَّتَ
<i>Ki taa bik</i>	كِتَابِكِ	إِنَّتِي
<i>Ki taa bu</i>	كِتَابُهُ	هُوَ
<i>Ki tab ha</i>	كِتَابِهَا	هِيَ

<i>Ki tab hum</i>	كِتَابُهُمْ	هُمْ
<i>Ki tab ko</i>	كِتَابُكَو	إِنَّتُو
<i>Ki tab na</i>	كِتَابِنَا	إِحْنَا

## جَمَالُ

<i>Ga maa li</i>	جَمَالِي	أَنَا
<i>Ga maa lak</i>	جَمَالُكَ	إِنَّتَ
<i>Ga maa lik</i>	جَمَالِكُ	إِنَّتِي
<i>Ga maa lu</i>	جَمَالُهُ	هُوَ
<i>Ga mal ha</i>	جَمَالُهَا	هِيَ

<i>Ga mal hum</i>	جَمَاهُمْ	هُمَّ
<i>Ga mal ko</i>	جَمَانِكُو	إِنَّتُو
<i>Ga mal na</i>	جَمَانِنَا	إِحْنَا



### 2.2.2. Dhamir yang Bersambung dengan Harf dan Zorof

**Harf** dan **Zorof** yang kerap digunakan dalam dialek Mesir ialah seperti berikut:

مِنْ – ‘dari’ dan beberapa makna lain.

Min ni	مِنِّي	أنا
Min nak	مِنَّا	إنت
Min nik	مِنِّي	إنتي
Min nuh	مِنْهُ	هُوَ
Min naha	مِنْهَا	هِيَ
Min nuhum	مِنْهُمْ	هُمْ
Min nuko	مِنْكُمْ	إنتو

Min ni na	مِنَّا	إِذَا
-----------	--------	-------

عَنْ – ‘tentang, dari’ dan lain-lain makna.

Berikut pula adalah jadual perubahan bentuk عَنْ apabila bersambung dengan dhamir.

‘anni	عَنِّي	أَنَا
‘annak	عَنكَ	إِنَّتَ
‘annik	عَنكَ	إِنِّي
‘annuh	عَنْهُ	هُوَ
‘anha	عَنْهَا	هِيَ
‘anhum	عَنْهُمْ	هُمْ

'annuko	عَنْكُو	إِنُّو
'annena	عَنَّا	إِحْنَا

لِ – untuk, kepada<sup>7</sup>, sehingga

Leyya	لي / لِيَا	أنا
Leek / Lak	ليكَ / لَكَ	أنتَ
Liiki / Lik	ليكي / لِيْكَ	أنتي
Liih / Lu	ليه / لَهُ	هُوَ
Lii ha / Laha	ليها / لَهَا	هي
Lii hum / Luhum	ليهم / لَهُمْ	هُمْ
Lii ko / Luko	ليكو / لُكُو	إنُّو

---

<sup>7</sup> Amat jarang didapati dalam dialek Mesir, perkataan إلى digunakan. Kerana itu, pembaca akan dapati dalam banyak keadaan, harf لِ hadir dengan membawa maksud إلى. Contohnya:

Kelmarin, saya berjalan dari sini **sehingga** ke pusat bandar. – امْبَارْحُ مَشِيْبْتٌ مِنْ هُنَا لَوْسَطُ الْبَلَدِ.

Lii na / Lina	لِينَا / لِنَا	إِحْنَا
---------------	----------------	---------

ب

Bi	بِي / بِيَّآ	أَنَا
Biik	بِيَّكْ	إِنْتَا
Biiki	بِيَّكِي	إِنْتِي
Biih	بِيَّهْ	هُوَ
Bii ha	بِيَّهَا	هِيَ
Bii hum	بِيَّهْمْ	هُمْ
Bii ko	بِيَّكُو	إِنْتُو
Bii na	بِيَّيْنَا	إِحْنَا

في

Fiyya	فِيَّ	أنا
Fiik	فِيكَ	إِنَّتَ
Fiiki	فِيكَى	إِنَّتِي
Fiih	فِيهِ	هُوَ
Fii ha	فِيهَا	هِيَ
Fii hum	فِيهِمْ	هُمْ
Fii ko	فِيكُمْ	إِنَّتُو
Fii na	فِينَا	إِحْنَا

عَلَى

'alayya	عَلَيْهَا	أَنَا
'aleyk	عَلَيْكَ	إِنْتِ
'aley ki	عَلَيْكِ	إِنْتِي
'aleyh	عَلَيْهِ	هُوَ
'aley ha	عَلَيْهَا	هِيَ
'aley hom	عَلَيْهِمْ	هُمَّ
'aley ko	عَلَيْكُمْ	إِنَّتُو
'aley na	عَلَيْنَا	إِحْنَا

Manakala berkenaan **dhamir yang bersambung dengan kata kerja** akan dibincangkan dalam **bab Kata Kerja** nanti disebabkan perbincangannya yang agak panjang.

### 2.2.3. Kaedah Berkaitan 'Ataf Dhamir

Dalam bahasa Arab Fusha, kaedah yang dinyatakan oleh para ulama Nahu ialah isim zahir tidak elok (walaupun harus dan dibolehkan) untuk di 'atafkan kepada dhamir mustatir marfu' tanpa sebarang pemisah.

Sebagaimana dalam Firman Allah:

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ

Perkataan **زوجك** tidak di'atafkan terus kepada dhamir mustatir yang ada pada fi'il **اسكن**. Akan tetapi dihadirkan dhamir bariz<sup>8</sup> **أنت** sebagai pemisah supaya isim zahir **زوجك** dapat di'atafkan.

Dalam ayat biasa, kita katakan:

---

<sup>8</sup> Dhamir (Kata Ganti Nama Diri) yang dapat dilihat - bukan mustatir/tersembunyi.

اذهبْ **أَنْتَ** وَصَدِيقَكَ

Jarang ditemui:

اذهبْ وَصَدِيقَكَ

Kaedah ini juga masih ada digunakan dalam Dialek Mesir dan dialek-dialek Arab yang lain.

Sebagai contoh, kita boleh katakan:

*"Kamu pergi turun dengan ayah kamu, cari adik kamu. Entah-entah sesat ke apa."*

انزلْ **أَنْتَ** وَأَبُوكَ دَوِّرُوا عَلَيَّ أَخُوكَ لِحَسَنٍ يَتُوهُ وَلَا حَاجَةَ

وَلَا حَاجَةَ	يَتُوهُ	لِحَسَنٍ	أَخُوكَ	دَوِّرُوا عَلَيَّ	وَأَبُوكَ	<b>أَنْتَ</b>	انزلْ
<i>Ke apa ke(atau apa-apa berlaku</i>	Dia sesat	Kalau tidak	Adik kamu	Pergi cari	Dan ayah kamu	Kamu	Pergi turun

<i>padanya)</i>							
Wala haaga	yituuh	lahsan	akhuuk	dawwaruu	Waabuuk	enta	inzil

Kesan daripada kaedah dalam bahasa Arab Fusha tadi, kita hampir tidak akan menemui orang Arab berkata,

انزِلْ وَأَبُوكَ

Akan tetapi, yang lebih elok dan digunakan secara meluas adalah:

انزِلْ **أنتَ** وَأَبُوكَ

Walaupun dibolehkan untuk 'athaf isim zahir kepada dhamir mustatir marfu', tetapi penggunaan tersebut dianggap sebagai tidak elok (غير المستحسن) oleh kebanyakan ulama Nahu.<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> Awdah al-Masalik, Al-Nahw al-Wafi.

## BAB 3

### Kata Tunjuk

Kata tunjuk dalam dialek Mesir hanya 5:

دَهْ

- 'Ini'. Digunakan ketika menunjuk kepada perkara yang bersifat muzakkar. Padanan dalam bahasa Arab Fusha adalah هَذَا.

دِيْ

- 'Ini'. Digunakan ketika menunjuk kepada perkara yang bersifat muannath. Padanan dalam bahasa Arab Fusha adalah هَذِهِ.

دُولْ

- 'Ini'. Digunakan untuk menunjukkan perkara yang banyak tanpa mengira jantina. Padanannya dalam bahasa Arab Fusha adalah هَؤُلَاءِ dan أُولَئِكَ.

هِنَا

• "Di sini."

هِنَاكَ

• "Di sana."

Ini merujuk kepada **loghat yang digunakan di ibu kota Kaherah**. Ada juga beberapa loghat lain yang sangat masyhur di Mesir, mereka menyebut perkataan ده dengan **dawwat**, دي dengan **diyyat** dan دول dengan **doolat**.

Manakala di beberapa bandar lain seperti al-Fayyoun, mereka gunakan دِيدَه, دِيدِي dan juga دُونُ.

Contoh penggunaan kata tunjuk dalam ayat:

1- *Lelaki ini penipu!*

نَصَابٌ	دَهْ	الرَّاجِلُ
---------	------	------------

penipu	ini	Lelaki
<i>Nassob</i>	<i>da</i>	<i>Er Raa gil</i>

2- *Saya nak kamu datang awal kali ini.*

دِي	المَرَّة	بَدْرِي	تِيْجِي	عَايْزَاكْ
Ini.	Kali	awal	datang	Saya nak kamu
<i>Di</i>	<i>El-Marra</i>	<i>badri</i>	<i>Tii gi</i>	<i>'Aa yizak</i>

3- *Geng itu selalu datang lambat.*

مِتْأَخْرُ	بِيِيْجُو	دَايْمَا	دُولْ	الْجَمَاعَة
Lambat.	datang	selalu	itu	Geng
<i>Mit akh khar</i>	<i>Bi yii gu</i>	<i>Dayman</i>	<i>Dol</i>	<i>El-Gama'aa</i>

**4- Maafkan saya, tolong angkat beg-beg itu dengan saya.**

مَعَايَا	دُولُ	الشَّنَطُ	شِيْلُ	لَوْ سَمَحْتُ
Dengan saya.	Itu	Beg-beg	Angkat (suruhan)	<i>Excuse me</i>
<i>Ma 'aa ya.</i>	<i>Di</i>	<i>El Shunot</i>	<i>Shiil</i>	<i>Law samaht</i>

**5- Beg ini berat.**

تَقِيْلَةٌ	دِي	الشَّنَطَةُ
berat.	ini	Beg
<i>Ti i ila</i> <i>(huruf ق di sini</i> <i>ditukarkan dengan</i> <i>أ)</i>	<i>di</i>	<i>El Shanto</i>

6- Tadi dia ada di sini.

هِنَا	كَانَ	هُوَ
Di sini	Tadi	Dia
<i>Hena</i>	<i>Kaan</i>	<i>Huwwa</i>

7- Di Kaherah sana, orang-orangnya sangat panas baran.

جِدًّا	عَصِيْبَةٌ	النَّاسُ	القَاهِرَةُ	فِي	هِنَاكَ
Sangat!	Panas Baran	Orang- orangnya	Kaherah	Di	Di sana
<i>geddan</i>	<i>'asobiyyah</i>	<i>El naas</i>	<i>El Qaherah</i>	<i>fe</i>	<i>henak</i>

**Nota:**

Perkataan عَصِيْبَةٌ adalah *muannath* kepada perkataan عَصِيْبٍ yang bermaksud “*panas baran*”. Dalam dialek Mesir, perkataan ini kerap digunakan untuk menunjukkan makna

panas baran. Bukanlah bermaksud *racist* sebagaimana yang digunakan dalam bahasa Melayu. *Racist* dalam dialek Mesir biasanya diungkapkan dengan **عُنْصُورِيَّةٌ**.

**Persoalan:**

Kenapa digunakan perkataan **muannath** (**عَصَبِيَّةٌ**) sebagai sifat kepada **النَّاسُ**? Bukankah **النَّاسُ** itu muzakkar?

Dalam dialek Mesir, **perkataan النَّاسُ sentiasa digunakan sebagai muannath**. Kita akan dapati dalam percakapan orang Mesir ayat-ayat seperti berikut:

*“Ada orang kata ...”*

بِقَوْلٍ	نَاسٍ	فِيهِ
Berkata	Orang	Ada

Kata kerja **بِنْفُون** dimuannathkan kerana fa'ilnya **ناس** dalam dialek Mesir dianggap sebagai muannath.



## BAB 4

### Pertanyaan Dalam Dialek Mesir

Dalam dialek Mesir, **ayat pertanyaan** boleh dibentuk daripada **ayat penyata** dengan hanya **mengubah intonasi suara** tanpa menggunakan apa-apa kata tanya. Ini kerana intonasi ayat penyata agak mendatar. Manakala intonasi ayat pertanyaan pula bersifat menaik.

Contohnya:

الْأَكْلُ	جَابُ	هُوَ
Makanan	Bawakan	Dia

**Ayat ini boleh menjadi ayat penyata dan boleh juga menjadi ayat pertanyaan.**

Kita boleh katakan:

*“Dia bawakan makanan.”* Dengan **intonasi agak mendatar** ketika ingin memberitahu maklumat bahawa seseorang telah bawakan makanan.

Kita juga boleh katakan:

*“Dia bawakan makanan?”* Dengan **intonasi sedikit menaik** apabila ingin bertanyakan adakah seseorang itu membawakan makanan?

**Selain itu**, kita juga boleh membina ayat tanya dengan **menggunakan bantuan kata tanya**. Kata tanya dalam dialek Mesir pada kebiasaannya berada di **akhir ayat**. Namun dalam beberapa keadaan tertentu juga boleh berada di pangkal ayat.

Antara kata tanya dalam dialek Mesir ialah:

Bila?	Siapa?	Bagaimana?	Di mana?	Yang Mana Satu?
إمتى	مِين	ازي	فِين	أنهي
Imta	Mien	Ezzay?	Fien?	Anhi?

Kenapa?	Apa?	Berapa?
ليه	ايه	كام؟
Leh?	Eh?	Berapa?

Contoh penggunaan kata tanya dalam ayat:

1- *Hari lahir kamu(L) bila?*

عَيْدُ مِيلَادِكَ اِمْتَى؟

اِمْتَى؟	عَيْدُ مِيلَادِكَ
Bila?	Hari lahir kamu
Imta	'id milaadak

2- *Siapa bersama saya (bercakap dengan saya)?* (Situasi dalam percakapan telefon)

مَيْنُ مَعِيَ؟

مَعِيَ؟	مَيْنُ
Bersama saya?	Siapa
Ma 'aa ya?	mien

3- Macam mana kamu(P) masuk?

دَخَلْتِي إِزِّي؟

إِزِّي؟	دَخَلْتِي
Macam mana?	Kamu(P) masuk
Ezzay	dakhalti

4- Kamu tinggal di mana?

سَاكِنُ / قَاعِدُ فِينُ؟

فِينُ؟	سَاكِنُ / قَاعِدُ
Di mana?	Kamu tinggal
Fein?	Saa kin / Aa 'id (أ->ق)

## 5- Rumah kamu di tingkat mana?

شَقَّتَكَ فِي أَنهِي الدُّورُ

الدُّورُ	أنهِي	فِي	شَقَّتَكَ
Tingkat	Yang mana satu	Di	Rumah kamu
El dor	Anhi	Fi	Sya' etak

## 6- Kenapa macam ni?

لِيَه كِدَه؟

كِدَه؟	لِيَه
Macam ni?	Kenapa
Keda?	leh

## 7- Kamu cakap apa?

بِتَقُولْ إيه؟

إيه؟	بِتَقُولْ
Apa?	Kamu cakap
Eh?	Bit ul

## 8- Kamu nak berapa kilo Apple?

عَايِزْ كَامْ كِيلُو تَقَاخْ؟

Apple?	kilo	berapa <sup>10</sup>	Kamu(L) nak
تَقَاخْ	كِيلُو	كَامْ	عَايِزْ

---

<sup>10</sup> Kata tanya كَامْ sememangnya dieja dengan begitu secara meluas dalam dialek Mesir, memandangkan mereka memanjangkan sedikit vokal pada huruf ك. Sebutannya berbunyi *kaam* (sedikit panjang), dengan sedikit panjang. Bukan *kam* (pendek).

Kata tanya **كام** digunakan untuk menanyakan **bilangan** sesuatu objek, orang, benda, timbangan dan lain-lain. Namun, jika ingin bertanya tentang **harga sesuatu**, harf **ب** mesti ditambah sebelum **كام** -> **بِكام**. Contohnya:

Sekilo epal berapa (harganya)?

كَيْلُو تَفَّاحٍ بِكَامٍ؟

berapa (harganya)?	epal	Sekilo
بِكام	تَفَّاحٍ	كَيْلُو

Sekilo berapa (harganya)?

بِكَاْمِ الْكِيْلُو؟

Sekilo	Berapa (harga)
الْكِيْلُو	بِكَاْمِ


Perkataan كَاْمِ juga hadir dalam dialek Mesir dengan maksud **'beberapa'** (bukan sebagai kata tanya).

Contohnya seperti:

“Saya akan buat **beberapa** panggilan kemudian saya akan buat panggilan kepada kamu semula.”

هَعْمِلْ كَامْ مُكَالَمَةَ كِدَّةَ وَ هَكْلِمَكْ تَانِي

تَانِي	هَكْلِمَكْ	وَ	كِدَّةَ	مُكَالَمَةَ	كَامْ	هَعْمِلْ
semula	Saya akan call kamu(L)	kemudian	(macam tu)	Panggilan	Beberapa	Saya akan buat



## 4.1. Penggunaan هُوَ dan هِيَ dalam pertanyaan

Dua dhamir ini ada ketikanya diletakkan di **awal ayat pertanyaan** bagi tujuan **menarik perhatian** orang yang ditanya. Dhamir yang digunakan bergantung kepada jenis perkataan selepasnya. Sekiranya muzakkar, maka هُوَ. Manakala sekiranya muannath, maka هِيَ.

Contohnya:

1- “Kenapa kamu tak beritahu saya dari awal?”

هُوَ أَنْتَ لِيَهْ مَا قُلْتَلِيْشْ مِنْ الْاَوَّلْ؟

الْاَوَّلْ	مِنْ	مَا قُلْتَلِيْشْ	لِيَهْ	اَنْتَ	هُوَ
Awal	Dari	Kamu tak beritahu saya	Kenapa	Kamu	Eh
El Awwel	Mi	Ma ulte liish	Leeh	Enta	Huwa

2- “Stesen bas kat mana?”

هِيَ مَحَطَّةُ الأُتُوبِيسِ فِين؟

فِين	الأُتُوبِيسِ	مَحَطَّةُ	هِيَ
Kat mana ya?	Bas	Stesen	Eh
Kat mana?	El Utubiis	Mahattet	Hiyya

## BAB 5

### Kata Kerja dalam Dialek Mesir

Sebagaimana dalam bahasa Arab Fusha, kata kerja dalam dialek Mesir **dari sudut masa** sesuatu perbuatan dilakukan dibahagikan kepada **tiga**, fi'il **madhi** (Arab: الفعل الماضي), fi'il **mudhari'** (Arab: الفعل المضارع) dan juga fi'il **amr** (Arab: فعل الأمر).

Namun, ada **beberapa perubahan yang** berlaku terhadap fi'il-fi'il ini dalam dialek Mesir. Antaranya adalah seperti:

- 1- **Perubahan baris** pada fi'il madhi, فَهَمَ dalam Fusha menjadi فِهْمَ dalam dialek.
- 2- Perubahan pada fi'il mudhari', يَكْتُبُ dalam Fusha menjadi يَكْتِبُ dalam dialek, يَدْخُلُ menjadi يُدْخِلُ dan lain-lain perubahan.
- 3- Ada juga perkataan yang tidak berasal dari bahasa Arab Fusha namun digunakan dalam dialek Mesir dan mengalami konjugasi ataupun tasrif sebagaimana kata

kerja lain dalam bahasa Arab. Seperti حَاف “lihat”, حَشَّ “masuk” dan lain-lain.

4- Ada juga perkataan yang berasal dari bahasa Inggeris, seperti كَنَسِلَ yang bermaksud *cancel*. Perkataan ini juga boleh mengalami konjugasi tasrif menjadi أَكْنَسِلُ yang bermaksud saya cancel, يَكْنَسِلُ dan lain-lain.

Terdapat banyak lagi perkataan-perkataan dari bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas dalam dialek Mesir ini. InsyaAllah kita akan terdedah kepada perkataan-perkataan seperti ini apabila kita mula banyakk mendengar dan memerhati pertuturan Arab Mesir nanti.

Namun untuk perhatian, **bukan semua lapisan masyarakat** menggunakan dan memahami gaya bahasa ini. Gaya bahasa seperti ini biasanya digunakan oleh golongan muda yang berpendidikan dan terdedah kepada media sosial, golongan berada dan yang seangkatan dengannya.

5- Sebagaimana kata ganti nama dalam dialek Mesir hanya ada lapan, konjugasi atau tasrif fi'il juga hanya untuk lapan dhamir tersebut sahaja. Bukan 14 seperti dalam bahasa Arab Fusha.

**Tidak ada kaedah tertentu** yang terpakai untuk menentukan perubahan dan perbezaan baris dalam kata kerja. Seandainya ada, kaedah itu masih bersifat 'kebanyakan' dan tidak terpakai pada kesemuanya.

Namun, satu prinsip yang boleh dipegang dalam mempelajari dialek Mesir ialah perubahan baris atau huruf yang berlaku kebanyakannya bertujuan untuk meringankan sebutan bagi penutur asli. Sengaja penulis sebutkan "*ringan sebutan bagi penutur asli*" kerana andainya sesuatu perkataan ringan disebut oleh bukan penutur asli, belum tentu ringan bagi penutur asli.

Bagi memudahkan pembaca, penulis telah mengumpul beberapa kata kerja penting digunakan dalam dialek Mesir disertakan dengan baris dan contoh ayat untuk setiap kata

kerja dalam buku “*Kata Kerja Penting*” dalam Kit Dialek Mesir ini.

**Penting:**

Asas yang **sangat penting** untuk dikuasai ialah perubahan yang berlaku kepada setiap fi’il apabila bersambung dengan dhamir-dhamir tertentu.

Apabila pembaca dapat menguasai perkara ini dengan baik barulah pembaca akan dapat menggunakannya dalam ayat dengan betul dan maklumat-maklumat lain akan bertambah dalam diri pembaca dari semasa ke semasa seiring dengan usaha pembaca memperbanyak latihan membaca, mendengar, bercakap dan menulis dalam dialek Mesir.

## 5.1. Fi'il Madhi (Arab : الفعل الماضي)

Contoh tasrif **Fi'il Madhi** dalam dialek Mesir:

شَرِبْتُ

(Minum)

Shi ribt	شَرِبْتُ	أنا
Shi ribt	شَرِبْتَ	إنتَ
Shi rib ti	شَرِبْتِي	إنتِي
Shi rib to	شَرِبْتُو	إنتُو
Shi rib	شَرِبَ	هُوَ
Shir bit	شَرِبَتْ	هِيَ
Shir bu	شَرِبُوا	هُمَّ

Shi rib na	شَرِبْنَا	إِحْنَا
------------	-----------	---------

\*Perhatikan setiap perubahan yang berlaku pada setiap kata kerja dengan baik. Terutamanya perubahan yang berlaku di bahagian akhir kata kerja.

### Penjelasan:

1- Kata kerja شَرِبْتُ kelihatan sama untuk dhamir أَنَا dan أَنْتَ. Sedangkan dalam bahasa Arab Fusha ada bezanya. Iaitu pada baris ت.

Untuk أَنَا, kita katakan شَرِبْتُ dengan dhammah pada huruf ta', manakala untuk أَنْتَ kita katakan شَرِبْتَ dengan fathah pada huruf ta'. Namun, oleh kerana baris terakhir dalam fi'il ini dimatikan/disukunkan maka ianya kelihatan seperti sama.

Apabila pembaca dapat fahami perkara ini dengan baik, pembaca sendiri dapat dengan mudah membezakan antara شَرِبْتُ yang digunakan untuk أَنَا dan juga yang digunakan untuk أَنْتَ.

2- Kata kerja شَرِبْتِي digunakan untuk pihak kedua wanita yang berseorangan iaitu; أَنْتِي. Untuk kata kerja ini, hanya huruf ي ditambahkan di akhir fi'il dan huruf sebelum ي dikasrahkan supaya sesuai dengannya. Berbeza dengan bahasa Arab Fusha, di mana kata kerja untuk dhamir أَنْتِ ini hanya dengan menambah huruf ت berbaris kasrah, tanpa huruf ي.

3- Kata kerja شَرِبْتُو pula padanannya dalam bahasa Arab Fusha adalah شَرِبْتُمْ. Bezanya, dalam dialek Mesir, huruf م di akhirnya digantikan dengan huruf و. Tujuannya ialah untuk meringankan sebutan.

4- Kata kerja شَرِبَ (untuk هُوَ) pula hanya berbeza pada **huruf ش** sahaja – dalam Fusha difathahkan. Kemudian, baris akhirnya pula disukunkan.

5- Kata kerja شَرِبَتْ digunakan untuk هي. Merujuk kepada pihak ketiga perempuan berseorangan. Huruf ta' ditambah di akhir fi'il untuk menunjukkan pelakunya adalah perempuan. Huruf ta' ini dinamakan oleh ulama bahasa sebagai ta' al-ta'nith al-sakinah (Arab: تاء التانيث الساكنة – ta' berbaris sukun yang digunakan untuk perempuan).

Sukun yang berada pada ta' ini ialah **sukun yang asli** – ianya bukan berlaku disebabkan berhenti atau asalnya mempunyai baris kemudian dimatikan dalam percakapan.

Berbeza dengan ta' untuk dhamir أَنَا dan أَنْتَ. Ini kerana ta' untuk dhamir أَنَا dan أَنْتَ ini asalnya masing-masing berbaris **dhammah** dan juga **fathah**, kemudian disukunkan kerana berada di akhir perkataan.

Kerana itu pembaca dapati, huruf الباء untuk هي ( شَرِبَتْ ) berbaris kasrah manakala untuk أنا dan أنت ( شَرِبَتْ ) pula sukun.

Untuk memahami perkara ini dengan lebih terperinci, pembaca mestilah memahami satu konsep dalam bahasa Arab Fusha.

Dalam bahasa Arab Fusha, asal untuk ketiga-tiga fi'il ini adalah:

هِيَ	أَنْتَ	أَنَا
شَرِبَتْ	شَرِبَتْ	شَرِبْتُ

Huruf ب untuk أنا dan أنت disukunkan kerana ianya bersambung dengan huruf ta' yang mempunyai baris. Ini merupakan kaedah

penting dalam bahasa Arab di mana **tidak boleh berlaku 4 huruf yang mempunyai baris (Arab: التشكيل) secara berturut-turut dalam satu perkataan.**

Sekiranya huruf ب dalam kedua-dua fi'il ini<sup>11</sup> kekal dalam keadaan kasrah, maka akan berlakulah keadaan 4 huruf mempunyai baris secara berturut-turut dan ini bertentangan dengan kaedah. **Oleh kerana itu, huruf ب terpaksa disukunkan.**

Berbeza dengan ta' untuk هي. Ta' ini sememangnya berada dalam keadaan sukun<sup>12</sup>, maka **tiadalah keperluan untuk mensukunkan huruf akhir fi'il (iaitu huruf ب) disebabkan tidak ada kemungkinan untuk berlaku keadaan yang 4 huruf yang mempunyai baris dalam satu perkataan yang sama.**

Setelah memahami konsep bahasa Arab Fusha ini dengan baik, kita berbalik kepada dialek Mesir.

---

<sup>11</sup> Merujuk kepada شَرِبْتُ dan شَرِبْتُ.

<sup>12</sup> Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, ta' ini dinamakan oleh ulama bahasa sebagai التَّائِيثُ السَّاكِنَةُ.

Lihat dua fi'il dalam Fusha berikut:

أنت	أنا
شَرَبْتَ	شَرَبْتُ

Dalam pertuturan, **huruf terakhir** dalam perkataan itu **mesti disukunkan**. Maka jadilah شَرَبْتُ untuk kedua-dua fi'il. Kelihatan sama. Kemudian, oleh kerana baris fathah agak berat bagi orang Arab, maka baris fathah pada huruf ش dikasrahkan – untuk tujuan meringankan. Maka jadilah seperti berikut:

أنت	أنا
شَرِبْتَ	شَرِبْتُ

Begitu juga untuk kata kerja شَرِبْتَ dikasrahkan semua huruf ش dan ب maka jadilah, شَرِبْتُ.

**Persoalan:** Bagaimana dari شِرْبِتْ boleh menjadi شِرْبِتْ ?  
Kenapakah baris huruf ر disukunkan?

Huruf ر disukunkan untuk **meringankan sebutan**. Bukankah شِرْبِتْ apabila **disebut dengan pantas dan berkali-kali**, bunyinya sama sahaja dengan شِرْبِتْ?

6- Kata kerja شِرْبُوا hampir sama sahaja dengan bahasa Arab Fusha. Bezanya hanya pada baris huruf dan **huruf ر dan ش disukunkan** untuk tujuan **meringankan sebutan**.

7- Kata kerja شِرْبِنَا – Perubahan yang berlaku ialah **huruf ش dikasrahkan** untuk tujuan **meringankan sebutan**.

Berdasarkan jadual dan penjelasan ini, tekuni dengan teliti beberapa lagi fi'il madhi dalam jadual-jadual berikut:

رَكِبُ

(Tanggung, tumpang atau naik sesuatu kendaraan)

Ri kibt	رَكِبْتُ	أَنَا
Ri kibt	رَكِبْتُ	إِنْتِ
Ri kib ti	رَكِبْتِي	إِنْتِي
Ri kib to	رَكِبْتُو	إِنْتُو
Ri kib	رَكِبَ	هُوَ
Rik bit	رَكِبَتْ	هِيَ
Rik bu	رَكَبُوا	هُمْ
Ri kib na	رَكَبْنَا	إِنَّا

عَرَفْتُ

(Tahu)

'l rift	عَرَفْتُ	أَنَا
'l rift	عَرَفْتِ	إِنَّتِ
'l rifi	عَرَفْتِي	إِنَّتِي
'l rifto	عَرَفْتُو	إِنَّتُو
'l rif	عَرَفَ	هُوَ
'lr fit	عَرَفْتِ	هِيَ
'lr fu	عَرَفُو	هُمْ
'l rif na	عَرَفْنَا	إِنَّا

شَافَ

(Lihat)

Shuft	شُوفْتُ	أنا
Shuft	شُوفْتِ	إِنْتِ
Shuf ti	شُوفْتِي	إِنْتِي
Shuf to	شُوفْتُو	إِنْتُو
Shaf	شَافَ	هُوَ
Sha fet	شَافَتْ	هِيَ
Sha fu	شَافُوا	هُمْ
Shuf na	شُوفْنَا	إِذَا

عَدَى

(Lintas, berlalu, singgah)

'addeyt	عَدَيْتَ	أَنَا
'addeyt	عَدَيْتَ	إِنْتِ
'addeyti	عَدَيْتِي	إِنْتِي
'addey tu	عَدَيْتُو	إِنْتُو
'adda	عَدَى	هُوَ
'addet	عَدَيْتِ	هِيَ
'addu	عَدَوْ	هُمْ
'addey na	عَدَيْنَا	إِنَّا

Contoh ayat yang menggunakan fi'il madhi:

### Contoh 1

“Puan Fatimah *dah pergi*.”

مَدَامَ فَاطِمَةُ مَشِيَتْ

مَشِيَتْ	فَاطِمَةُ	مَدَامَ
Telah pergi (dari sesuatu tempat)	Fatimah	Puan
<i>Mish yit</i>	<i>Fatma</i>	<i>Madaam</i>

### Nota:

Perkataan مَشِي (Baca: mishi) ataupun dalam Fusha مَشَى bukan sahaja bererti ‘berjalan’, antara maknanya juga adalah ‘pergi’ dari sesuatu tempat.

## Contoh 2

“Mimpi ngeri telah berlalu.”

الكابوس عَدَّى

عَدَّى	الكابوس
berlalu	Mimpi ngeri
'adda	Ekkabuus

### Nota:

Perkataan عَدَّى mempunyai sekurang-kurangnya **tiga makna**.

جَابِلِي حَاجَةً - Dia (P) bawakan sesuatu untuk saya.

Peta Minda Berikut ialah **Kesimpulan Ringkas Bab Penafian**:



## 6.4. Penggunaan Perkataan لِسَّهْ dalam Dialek Mesir

*Lessah* atau *Lessa* dalam dialek Mesir **bukanlah** padanan kepada لَيْسَ dalam bahasa Arab Fusha sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan orang.

Dalam dialek Mesir, perkataan لِسَّهْ bermaksud ‘*masih*’ dan ‘*masih belum*’.

*Lessa* dengan makna ‘*masih*’ datang dalam dua bentuk:

### Bentuk Pertama

اسم الفَاعِلِ / الصفة المشبهة	لِسَّهْ
-------------------------------	---------

Contoh:

1- “*Dia masih hidup.*”

هُوَ لِسَّهْ حَيٌّ

حَيٌّ	لِسَّهْ	هُوَ
-------	---------	------

hidup	masih	dia
<i>hayy</i>	<i>lessa</i>	<i>huwwa</i>

2- “Dia(P) masih tidur.”

هِيَ لِسَّةٌ نَائِمَةٌ

نَائِمَةٌ	لِسَّةٌ	هِيَ
tidur	masih	Dia (P)
<i>Nai maa</i>	<i>lessa</i>	<i>hiyya</i>

3- “Kamu masih kecil untuk cakap benda-benda macam ni.”

أَنْتَ لِسَّةٌ صُغَيْرٌ عَلَى الْكَلَامِ دَهْ

دَه	الكَلَام	عَلَى	صُغَيْرَ	لِسَّهْ	أَنْتَ
ini	Kata- kata / perkara	Berbanding / untuk	kecil	masih	kamu
<i>dah</i>	<i>El kalaam</i>	<i>'ala</i>	<i>Su ghayy yar</i>	<i>lessa</i>	<i>enta</i>

### Nota:

- 1- Kadang-kadang, apabila percakapan terlalu laju, perkataan عَلَى tidak disebutkan sepenuhnya. Ianya akan berbunyi seperti عَ sahaja. Contohnya: أَنْتَ لِسَّهْ صُغَيْرَ عَ الكَلَام دَه. Sebut: *Ent lessa sughayyar 'al kalaam dah.*
- 2- Antara perkataan lain yang *moden* dan sama maksud dengan صُغَيْرَ adalah صُغْنُ (L), صُغْنَةُ (P), صُغْنَيْنِ (Jamak).

Perkataan ini digunakan secara meluas dalam kalangan anak muda.

4- “Kamu masih ingat saya?”

إِنْتَ لِسَّهْ فَآكِرْنِي؟

فَآكِرْنِي	لِسَّهْ	إِنْتَ
Ingat saya?	Masih	Kamu
<i>Faakir ni?</i>	<i>lessa</i>	<i>enta</i>

### Maklumat Tambahan:

Ada ketika, ayat yang hadir dalam bentuk pertama ini juga membawa maksud ‘*baru sahaja*’. Contohnya seperti ayat berikut:

“Kamu baru sahaja sampai(datang) kelmarin.”

اَحْنَا لِسَّهٗ جَائِيْنَ اَمْبَارِحْ

اَمْبَارِحْ	جَائِيْنَ	لِسَّهٗ	اَحْنَا
Kelmarin	datang	Baru sahaja	kami
<i>Imbaareh</i>	<i>Gai yiin</i>	<i>lessa</i>	<i>Ehna</i>

Perkataan جَائِيْنَ adalah jamak (*plural*) kepada جَائِيْ .

## Bentuk Kedua

الفعل المضارع مع ب	لِسَّهٗ
--------------------	---------

Contoh:

1- "Dia(P) *masih duk makan.*"

هِيَ لِسَّهٗ يَتَاكُلْ

يَتَاكُلْ	لِسَّهٗ	هِيَ
Sedang makan	masih	Dia

Bi taa kul	lessa	hiyya
------------	-------	-------

Manakala *lessa* yang bermaksud ‘belum’ pula hadir dalam bentuk berikut:

مَا + الفعل الماضي + شْ	لِسَّهْ
-------------------------	---------

Contohnya:

1- “Mereka *masih belum* buat apa-apa.”

هُمَّ لِسَّهْ مَا عَمَلُوشْ حَاجَةٌ

حَاجَةٌ	مَا عَمَلُوشْ	لِسَّهْ	هُمَّ
Apa-apa	Tidak buat	Masih	Mereka
<i>Haa ga</i>	<i>Ma ‘amlush</i>	<i>lessa</i>	<i>humma</i>

2- “Saya **masih belum** tamatkan bacaan.”

أَنَا لِسَّهَ مَاخَلَصْتِشْ الْقِرَايَةَ

القِرَايَةَ	مَاخَلَصْتِشْ	لِسَّهَ	أَنَا
bacaan	Belum tamatkan	Masih	Saya
<i>El Iraaya</i> (أ -> ق)	<i>Ma</i> <i>khallas</i> <i>tish</i>	<i>lessa</i>	<i>ana</i>

**Nota:**


*Lessa* juga boleh digunakan secara **bersendirian** dalam ayat tanpa digandingkan dengan apa-apa perkataan sebelum atau selepasnya. Contohnya, apabila ada orang tanya,

“Sudah makan tengah hari ke belum?”

تَغَدَّيْتُ وَلَا لِسَّهَ؟

لِسَّهْ؟	وَلَا	تَعَدَّيْتُ
Belum?	atau	Kamu sudah makan tengah hari
Lessa?	walla	taghaddeyt

Kita pun jawab dengan satu perkataan sahaja, “Belum” – لِسَّهْ.



## BAB 7

### Larangan dalam Dialek Mesir

Larangan di sini bermaksud melarang seseorang melakukan sesuatu perbuatan tertentu. Dalam dialek Mesir, kata kerja larangan mempunyai **empat bentuk**.

**Bentuk Pertama:** Menggunakan rangkai kata berikut:

شْ	الفعل المضارع مِنْ غَيْرِ "ب"	مَا
----	-------------------------------	-----

**Nota:**

- 1- Fi'il mudhari' yang digunakan untuk **larangan berbeza** dengan fi'il mudhari' untuk **penafian**. Untuk **larangan**, fi'il mudhari' **tidak didahului oleh ب** sebagaimana yang dapat dilihat dalam rangkai kata di atas.
- 2- Bentuk larangan ini merupakan yang **paling kerap** digunakan dalam pertuturan seharian. Disebabkan itulah penulis mendahulukan bentuk ini berbanding bentuk-bentuk yang lain.

3- Apabila bercakap mengenai larangan, **kita hanya melarang mukhatab (BM: pihak kedua) sahaja**. Kita tidak melarang diri sendiri ataupun orang yang tidak ada di hadapan kita.

4- Ini bererti, wazan yang digunakan untuk larangan hanyalah untuk 3 dhamir daripada 8 dhamir yang digunakan dalam dialek Mesir. Pihak-pihak yang dilarang ialah, **إنت**, **إنتي** dan juga **إنتو**. Lihat contoh dibawah:

**مَا تَزْعَلْشُ – “Jangan marah/sedih”**

<i>Ma tez 'alsh</i>	مَا تَزْعَلْشُ	إنت
<i>Ma tez 'aliish</i>	مَا تَزْعَلِيشُ	إنتي
<i>Ma tez 'aluush</i>	مَا تَزْعَلُوشُ	إنتو

2- **Bentuk Kedua:** Menggunakan rangkai kata berikut:

الفعل المضارع من غير "ب"	بَلَّاشٌ
--------------------------	----------

Contohnya:

*"Tak usahlah kamu dekatkan diri dengan saya lagi."*

بَلَّاشٌ تَقَرَّبْ مِنِّي تَانِي

تَانِي	مِنِّي	تَقَرَّبْ	بَلَّاشٌ
lagi	Dengan saya	Kamu dekatkan diri	Tak usahlah
<i>taani</i>	<i>minni</i>	<i>Ti arrab</i>	<i>balaash</i>

**Nota:**

1- Ini merupakan **bentuk larangan yang paling ringan.**

Perkataan بَلَّاشٌ biasanya diterjemah sebagai '***tak usah, usahlah***'.

2- Perkataan بَلَّاشٌ juga boleh didahului oleh مَا sebagai **penguat**. – مَا بَلَّاشٌ.

3- Sekiranya perkataan بَلَّاشٌ didahului oleh huruf بِ, بِبَلَّاشٌ maknanya adalah ‘percuma’ . Tiada kaitan dengan larangan.

4- Isim juga boleh hadir selepas perkataan بَلَّاشٌ. Contoh:

بَلَّاشٌ لِعِبْ العِيَالِ – “**Tak payah** buat kerja macam budak-budak.”

العِيَالِ	لِعِبْ	بَلَّاشٌ
Budak-budak / anak-anak	permainan	Tak payah
El-‘iyyaal	Li’b	balaash

دَهْ بَلَّاشْ اللُّونُ الغَامِقُ دَهْ - "Taknak lah sedih-sedih macam ni."

Kata-kata yang digunakan untuk memujuk seseorang yang kelihatan sedih, murung atau tidak gembira. Makna literalnya ialah:

دَهْ	الغَامِقُ	اللُّونُ	بَلَّاشْ
ini	gelap	warna	Tak usah
da	<i>El ghami'</i>	<i>El loun</i>	<i>balaash</i>

**Bentuk Ketiga:** Menggunakan rangkai kata berikut:

الفعل المضارع من غير "ب"	إِوعَى
--------------------------	--------

Contohnya:

"Jangan lupa!"

إِوعَى تَنْسَى

تَنْسَى	إِوعَى
---------	--------

Lupa	Jangan
------	--------

**Nota:**

**Larangan** menggunakan rangkai kata ini adalah **lebih keras** berbanding larangan menggunakan bentuk pertama dan kedua.

Perkataan **إِوَعَى** ini juga boleh ditasrifkan seperti berikut:

lw 'aa	إِوَعَى	إِنْتِ
lw 'ii	إِوَعِي	إِنْتِي
lw 'uu	إِوَعُو	إِنْتُو

**Bentuk Keempat:** Menggunakan rangkai kata berikut:

الفعل المضارع من غير "ب"	إِيَّاكَ
--------------------------	----------

Contoh:

“Jangan biar aku tengok muka kau sekali lagi.”

إِيَّاكَ أَشُوفُ وَشَّكَ تَانِي

تَانِي	وَشَّكَ	أَشُوفُ	إِيَّاكَ
Lagi	Muka kamu	Aku tengok	Jangan
<i>taani</i>	<i>Wishhak</i>	<i>ashouf</i>	<i>lyyaak</i>

**Nota:**

- 1- Bentuk ini mengandungi makna larangan yang **paling keras** antara keempat-empat bentuk.
- 2- Namun begitu, bentuk ini **jarang digunakan** dalam percakapan harian. Hanya bentuk pertama, kedua dan ketiga sahaja yang digunakan secara meluas.
- 3- Bentuk ini juga boleh mengalami perubahan. Lihat jadual berikut:

lyyak	إِيَّاكَ	إِنَّتْ
-------	----------	---------

lyyaa kii	إِيَّاكِي	إِنْتِي
lyya kuu	إِيَّاكُو	إِنْتُو



## BAB 8

### KATA HUBUNG RELATIF

Berbeza dengan bahasa Arab Fusha, dalam dialek Mesir, kata hubung relatif yang digunakan hanya satu, iaitu – **الّئي** yang bermaksud, ‘yang’. Kata hubung ini digunakan untuk **muzakkar** dan **muannath** tanpa melihat sama ada ianya mufrad, muthanna atau jama’.

Selain dialek Mesir, kebanyakan lahjah di negara-negara Arab lain juga menggunakan perkaraan ‘*elli*’ untuk tujuan yang sama.

Sebutannya ialah ***elli***. Bukan *allay* atau *allai*. Apabila berada di tengah ayat, e hampir tidak kedengaran dan yang kedengaran hanyalah ***lli*** sahaja.

## 8.1. Ayat yang Menggunakan *elli*

1- “Bocorkan kepada saya apa yang kamu dengar tadi.”

سَيَّخِلِي إِلِّي سَمِعْتُهُ

سَمِعْتُهُ	إِلِّي	لِي	سَيَّخ
Kamu dengar tadi	Apa yang	Kepada saya	Bocorkan / dedahkan sesuatu perkara
<i>Simi'tu</i>	<i>Lli</i>	<i>lii</i>	<i>sayyah</i>

### Nota:

Dalam dialek Mesir, banyak kata kerja seperti سَيَّخ yang bersambung dengan harf لِي untuk menunjukkan ‘lakukan sesuatu perbuatan **untuk saya/ kepada saya**’. Contohnya:

جِيْبِي merupakan gabungan antara جِيبُ yang bermaksud 'dapatkan' (arahan ditujukan kepada lelaki) dan juga 'لي' yang bermaksud 'untuk saya'.

Contoh kedua seperti, قُولِي. Asalnya adalah قُولِي - 'katakanlah' (arahan ditujukan kepada perempuan) dan juga harf jar لي.

2- "Tuan rumah yang buat macam ni, bukan saya."

صَاحِبُ الشَّقَّةِ الَّتِي عَمَلُ كِدَّةَ، مِشْ أَنَا

أَنَا	مِشْ	كِدَّةَ	عَمَلُ	الَّتِي	الشَّقَّةِ	صَاحِبُ
saya	bukan	Begini	Telah buat	Yang	Rumah	Tuan(pemilik)
<i>ana</i>	<i>mish</i>	<i>Keda</i>	<i>'amal</i>	<i>elli</i>	<i>El sya'</i> <i>ah (ق</i> <i>أ &gt;</i>	<i>sahib</i>

3- “Apa yang kamu buat ni?”

إِيهَ النَّيِّ اَنْتَ بِنَعْمِلُهُ دَهْ؟

دَهْ	بِنَعْمِلُهُ	اَنْتَ	النَّيِّ	إِيهَ
Ini?	Sedang buat	Kamu	Yang	Apa
<i>Da?</i>	<i>Bita'milu</i>	<i>Enta</i>	<i>elli</i>	<i>eh</i>

4- “Ikut arahan yang (tertulis) pada kotak.”

اِتَّبِعْ اِلْرَشَادَاتِ النَّيِّ عَلَيَّ الْعِلْبَةِ

الْعِلْبَةِ	عَلَيَّ	النَّيِّ	اِلْرَشَادَاتِ	اِتَّبِعْ
kotak	Pada	Yang	Arahan	ikut
<i>El 'ilbah</i>	<i>'ala</i>	<i>Elli</i>	<i>El Irsyaa daat</i>	<i>Ittabi'</i>

5- “Saya beli yang sama macam awak punya.”

اِسْتَرَيْتُ زَيِّ النَّيِّ عِنْدَكَ

عِنْدَكَ	اللي	زَيِّ	إشْتَرَيْتْ
Ada pada awak	Apa yang	Sama seperti	Saya dah beli
'andak	elli	zayy	Ish tareyt

6- “Saya tak suka gadis yang pakai make-up tebal.”

مَا بَحَبَّشَ الْبِنْتُ الْلي بِتْحَطِّ مَكْيَاجِ كَثِيرِ

كَثِيرِ	مَكْيَاجِ	بِتْحَطِّ	اللي	الْبِنْتُ	مَا بَحَبَّشَ
Banyak	Make up	Selalu letak	yang	Gadis/budak perempuan	Saya tak suka
<i>Kitiir</i>	<i>Mik yaaj (huruf ج disebut seperti dalam Fusha)</i>	<i>Bit hutt</i>	<i>elli</i>	<i>El bint</i>	<i>Ma bahibbesh</i>

7- “Konsert yang kita pergi kelmarin memang terbaik.”

الْحَفْلَةُ الَّتِي رُوْحْنَاهَا اِمْبَارِحُ كَانِتْ هَائِلَةٌ

هَائِلَةٌ	كَانِتْ	اِمْبَارِحُ	رُوْحْنَاهَا	الَّتِي	الْحَفْلَةُ
Hebat, terbaik, <i>fantastic.</i>	(tidak diterjemah, kehadirannya hanya untuk memberi petunjuk masa lalu.)	Kelmarin	Kita pergi kepadanya	yang	Konsert
<i>haailah</i>	<i>Kaanet</i>	<i>Im baareh</i>	<i>Ruhnaa haa</i>	<i>elli</i>	<i>El hafla</i>

8- “Siapa yang nak balik, balik lah!”

الَّتِي عَائِزُ بِرَوَّحْ، بِرَوَّحْ

بِرَوَّحْ	بِرَوَّحْ	عَائِزُ	الَّتِي
-----------	-----------	---------	---------

Balik lah	Balik,	nak	(Siapa) yang
<i>Yi rowwah</i>	<i>Yi rowwah</i>	<i>'aayiz</i>	<i>elli</i>

**Nota:**

1- Perkataan **اللي** juga boleh berada di pangkal ayat sebagaimana dalam contoh di atas.

2- Ada perbezaan antara kata kerja **رَاحَ** (sebut: raah) dan juga **رَوَّحَ** (rawwah). Pertama bermaksud '*pergi*' secara umum. Manakala yang kedua, bermaksud '*pulang*' ke **rumah**. Apabila kita katakan **أَنَا مُرَوِّحُ** tanpa menyebut **البيت** pun sudah difahami yang kita maksudkan ialah saya sedang/akan **pulang ke rumah**.

Berbeza dengan **رَاحَ**, jika kita katakan **أَنَا رَاحَ** '*saya sedang/akan pergi*' kita mesti nyatakan tempat yang dituju kerana maksud *pergi* dalam kata kerja ini umum dan tidak terhad kepada pergi(pulang) ke rumah sahaja.

9- “Tekan brek, kalau tak kamu akan langgar kereta yang kat depan.”

دُوسْ عَلَى الْفَرَامِيلْ لِحَسْنِ تِخْبَطُ الْعَرَبِيَّةُ الَّلِّي قُدَّامَكْ

قُدَّامَكْ	الَّلِّي	الْعَرَبِيَّةُ	تِخْبَطُ	لِحَسْنِ	الْفَرَامِيلْ	عَلَى	دُوسْ
Depan kamu	Yang	Kereta	Kamu langgar	Jika tidak	Brek	(Tidak diterjemah kerana datang berpasangan bersama (دَاسْ))	tekan
Uddaamak (أُدَّقْ)	elli	El 'arabiyya	Tikhbat	lahsan	El 'faramiil	'ala	duus

10- “Pelajar-pelajar lelaki yang kat belakang tu, takda rasa hormat ke?” – Tanya guru kepada muridnya.

## الشَّبَابُ الَّذِي وَرَاءَ، مَا فَيْشُ إِحْتِرَامٍ؟

إِحْتِرَامٌ	مَا فَيْشُ	وَرَاءَ	الَّذِي	الشَّبَابُ
hormat	tiada	Di belakang	yang	Pemuda- pemuda
<i>Ihtiraam?</i>	<i>Mafish</i>	<i>Waroo</i>	<i>elli</i>	<i>Esh shabaab</i>

## 8.2. Persamaan Antara أَبُو / أُمُّ dan الَّذِي بِ

Dalam dialek Mesir, selain daripada untuk tujuan gelaran (Arab: الكُنْيَةُ) seperti Abu Abdur Rahman yang bermaksud *bapa Abdul Rahman* atau أُمُّ سَعِيدٍ yang bermaksud *ibu kepada Sa'id*, perkataan أَبُو dan أُمُّ juga digunakan untuk menisbahkan ciri-ciri tertentu kepada seseorang atau sesuatu objek.

Perhatikan contoh berikut:

<p><i>El mahall abu baab kha shab</i></p>	<p>Kedai yang mempunyai pintu kayu <b>ATAU</b> Kedai yang berpintu kayu.</p>	<p>المَحَلَّ أَبُو بَابٍ حَشَبٌ</p>
<p><i>El galabiyya umm kumm thawiil</i></p>	<p>Jubah yang yang mempunyai panjang <b>ATAU</b> Jubah yang berlengan panjang.</p>	<p>الْجَلَابِيَّةُ أُمَّ كُمَّ طَوِيلٌ</p>
<p><i>El Banthalunoot umm miyt ginih.</i></p>	<p>Seluar-seluar yang berharga 100 Genih <b>ATAU</b> Seluar-seluar yang berharga 100 Genih</p>	<p>الْبَنْطُلُونَاتُ أُمَّ مَيْتٍ جِنِيَّةُ</p>
<p><i>Al amiis abu kumm</i></p>	<p>Baju yang mempunyai lengan</p>	<p>الْقَمِيصُ أَبُو كُمَّ طَوِيلٌ</p>

<i>thawiiil</i>	panjang <b>ATAU</b> Baju yang ber lengan panjang.	
<i>El walad abu gazmah bunni</i>	Budak lelaki yang mempunyai kasut koko itu <b>ATAU</b> Budak yang berkasut koko.	الْوَلَدُ أَبُو جَزْمَةَ بُنِّي

Kesemua perkataan-perkataan **أَبُو** dan **أُمّ** dalam ayat-ayat ini boleh ditukarkan kepada **الَّذِي** yang bermaksud 'yang dengan/ yang mempunyai'.

Perhatikan contoh berikut:

<p><i>El mahall elli bi baab kha shab</i></p>	<p>Kedai yang mempunyai pintu kayu <b>ATAU</b> Kedai yang berpintu kayu.</p>	<p>المَحَلَّ الَّذِي بِبَابٍ خَشَبٍ</p>
<p><i>El galabiyya elli bi kumm thawiil</i></p>	<p>Jubah yang yang mempunyai panjang <b>ATAU</b> Jubah yang berlengan panjang.</p>	<p>الْجَلَابِيَّةُ الَّتِي بِكُمْ طَوِيلٌ</p>
<p><i>El Banthalunoot elli bi miyt ginih.</i></p>	<p>Seluar-seluar yang berharga 100 Genih <b>ATAU</b> Seluar-seluar yang berharga 100 Genih</p>	<p>الْبَنْطَلُونَاتُ الَّتِي بِمِيْتٍ جِنِيَهْ</p>

<p><i>Al amiis elli bi kumm thawiil</i></p>	<p>Baju yang mempunyai lengan panjang <b>ATAU</b> Baju yang berlengan panjang.</p>	<p>القَمِيصُ <b>الَّتِي</b> بِكُمْ طَوِيلٌ</p>
<p><i>El walad elli bi gazmah bunni</i></p>	<p>Budak lelaki yang mempunyai kasut koko itu <b>ATAU</b> Budak yang berkasut koko.</p>	<p>الْوَلَدُ <b>الَّتِي</b> بِجَزْمَةَ بُنِّي</p>

## BAB 9

### Al-Muthanna (المُثَنَّى) dan Al-Jam' (الْجَمْع)

#### 9.1. Al Muthanna

Al-Muthanna dalam **bahasa Arab Fusha** mempunyai dua bentuk:

**Pertama:** كِتَابَانِ – ketika berada dalam keadaan marfu'.

**Kedua:** كِتَابَيْنِ – ketika berada dalam keadaan mansub atau majrur.

Namun, dalam dialek Mesir **hanya bentuk kedua yang digunakan** tanpa mengira perkataan tersebut merupakan marfu', mansub atau majrur. Contohnya:

1- “Darimana kamu dapatkan dua buah buku itu?”

جِيئْتُ الْكِتَابَيْنِ دُونَ مَنِينْ؟

مَنِينْ	دُونَ	الْكِتَابَيْنِ	جِيئْتُ
---------	-------	----------------	---------

Dari mana?	Tersebut / itu	Dua buku	Kamu dapatkan
Mineyn?	<i>Dol</i>	<i>El kitabeyn</i>	<i>Gibt</i>

## 2- “Dua rumah baru telah terbina.”

البیتین الجُدَادُ ائْتَبُونَا

ائْتَبُونَا	الجُدَادُ	البیتین
dibina	baru	Dua rumah
<i>itbinu</i>	<i>El gudad</i>	<i>El beyteen</i>

### Nota:

الجُدَادُ merupakan jamak kepada perkataan الجديد. Dalam dialek Mesir, sifat atau kata adjektif bagi muthanna adalah jamak.

## 9.2. Al-Jam'

al-Jam' dalam dialek Mesir juga mempunyai 3 golongan sama seperti bahasa Arab Fusha.

1- Jam' al-Muzakkar al-Saalim

2- Jam' al-Muannath al-Saalim

3- Jam' al-Taksir

**Jam' al-Muzakkar al-Saalim** dalam juga mempunyai dua bentuk.

**Pertama:** المُسَلِّمُونَ

**Kedua:** المُسَلِّمِينَ

Namun, yang digunakan dalam dialek Mesir **hanyalah bentuk kedua**. Seperti bahasa Arab Fusha, hanya perkataan **muzakkar** dan **berakal** sahaja yang menggunakan jama' ini.

Perhatikan contoh dibawah:

“Orang-orang Malaysia baik-baik belaka.”

المَالِيزِيِّينَ كُوَيِّسِينَ

كُوَيِّسِينَ	المَالِيزِيِّينَ
Baik-baik	Orang-orang Malaysia
<i>Kuwayyi siin</i>	<i>Mali ziyyin (biasanya orang Arab <b>tidak memanjangkan ma</b> walaupun ada huruf alif)</i>

**Jam’ al-Muannath al-Saalim** pula digunakan untuk perkataan **muannath yang berakal** dan juga **sebaliknya** –sama seperti dalam bahasa Arab Fusha.

Lihat contoh berikut:

1- “Pelajar-pelajar perempuan itu baru.”

الطَّالِبَاتُ دُولٌ جُدَادٌ

جُدَادُ	دُوْلُ	الطَّالِبَاتُ
baru	itu	Pelajar-pelajar perempuan
baru	duul	El tolibaat

**Nota:**

Sifat untuk perkataan muannath yang **berakal hadir dalam bentuk jamak'muzakkar**. Sebagaimana dalam contoh, جُدَادُ.

Namun, untuk muannath yang **tidak berakal**, sifatnya datang dalam bentuk **muannath mufrad** ataupun **jama'muzakkar**. Lihat contoh berikut:

2- "Kereta-kereta ini cantik."

العَرَبِيَّاتُ دِي حِلْوَةٌ

حِلْوَةٌ	دِي	العَرَبِيَّاتُ
----------	-----	----------------

## العَرَبِيَّاتُ دُونَ حُلُوبِ

حُلُوبِ	دُونَ	العَرَبِيَّاتُ
---------	-------	----------------

### Nota:

Kebanyakan perkataan-perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain **dijamak menggunakan jama' muannath salim**. Contohnya, seperti مُوَبَّأَاتٌ, تَلْفُونَاتٌ, أُثُوبِيَّاتٌ dan lain-lain.

## BAB 10

### Kata Adjektif dalam Dialek Mesir

Dalam dialek Mesir, apa yang penting berkaitan kata adjektif ataupun sifat adalah keserasian antara al-sifah dan al-mausuf dari sudut **jantina**, **bilangan** dan juga **ma'rifah dan nakirah**. Juga seperti dalam bahasa Arab Fusha, perkataan yang dimasuki ya' al-nisbah (Arab: *ياء النسبة*) boleh menjadi sifat.

Perhatikan contoh-contoh berikut:

Pelajar universiti	طَالِبٌ جَامِعِي
Kewarganegaran Mesir	الْجِنْسِيَّةُ الْمَصْرِيَّةُ
Laluan Padang Pasir	طَرِيقُ صَحْرَاوِي
Pelajar-pelajar Mesir	طُلَّابٌ مَصْرِيَّيْنِ

Secara harian	بِشَكْلِ يَوْمِي
Perhimpunan tahunan	المؤتمَر السنوي

Namun ada beberapa keadaan, al-sifah tidak serasi al-mausuf dari sudut jantina dan bilangan. Contohnya seperti sifat yang mengandungi makna 'jenis' sesuatu objek.

Perhatikan contoh-contoh dalam jadual berikut:

Jenis / golongan kereta yang dibuat di Jepun.	عَرَبِيَّاتٌ يَابَانِي
Kopi Turki	قَهْوَةٌ تُرْكِي
Kopi Francis	قَهْوَةٌ فَرَانْسَاوي

## BAB 11

### Al-Idhafah

Perbincangan berkaitan *al-Idhafah* di sini **bukanlah** dari sudut **Nahu** bahasa Arab. Akan tetapi, berkisar **sebutan perkataan** yang berada dalam bentuk *mudhaf* dan *mudhaf ilaih*. Terutamanya berkaitan **mudhaf yang diakhiri dengan huruf ta' marbuthah**.

Bandingkan sebutan perkataan yang berakhir dengan ta' marbuthah dalam keadaan bukan *mudhaf* dan *mudhaf*.

#### Bukan Mudhaf

<i>El Madrasa</i>	Sekolah	المَدْرَسَةُ
<i>Tooka</i>	Ribbon rambut	تُوكَةُ
<i>El Mahatta</i>	Stesen	المَحَطَّةُ

Bunyi Ta al-Marbutah disebutkan dengan **tidak terlalu jelas** ketika perkataan-perkataan ini tidak menjadi mudhaf.

### Mudhaf

Madras <b>etil</b> banaat	Sekolah perempuan	مَدْرَسَةُ الْبَنَاتِ
<i>Tookit Hizaam</i>	Kepala tali pinggang	تُوكِيَةُ حِزَامٍ
Mahatt <b>etil</b> Utubiis	Stesen Bas	مَحَطَّةُ أُتُوبِيسٍ

## BAB 12

### Ism al-Tafdhil

*Ism al-Tafdhil* ialah satu bentuk kata nama yang digunakan untuk **membandingkan** antara dua perkara. Terdapat dua darjah perbandingan:

- 1- **Perbandingan Lebih** - Contoh: *Lebih cantik, lebih kuat* dan lain-lain.
- 2- **Perbandingan Darjah Penghabisan** – Biasanya diterjemah dengan “*paling ...*” atau “*ter ...*”. Contohnya: *Paling cantik, terhebat, terbesar* dan lain-lain.

**Ism al-Tafdhil** hadir dalam bentuk أَفْعَلٌ bagi fi'il yang berasal daripada fi'il madhi 3 huruf sahaja. Contohnya:

أَهَمَّ - أَلَدَّ - أَطْوَلَ - أَرْحَصَنَ - أَعْلَى - أَصْغَرَ - أَكْبَرَ

## Perbandingan Lebih

Untuk **perbandingan lebih**, harf seperti مِنْ mesti didatangkan selepas *ism al-tafdhil*.

المَحَلِّ دَهْ بِيْبِيْعْ حَاجَاتْ أَرْخَصْ مِنْ اللِّي هِنَاكْ

هِنَاكْ	اللِّي	مِنْ	أَرْخَصْ	حَاجَاتْ	بِيْبِيْعْ	دَهْ	المَحَلِّ
Di sana	yang	berbanding	Lebih murah	Barang- barang	menjual	ini	Kedai
<i>hinaek</i>	<i>elli</i>	<i>min</i>	<i>arkhas</i>	<i>Ha gaat</i>	<i>Biy biï'</i>	<i>da</i>	<i>El mahall</i>

## Perbandingan Darjah Penghabisan

Manakala untuk **perbandingan darjah penghabisan**, terdapat **dua cara**. Cara yang pertama digunakan secara kerap, lebih mudah dan dilihat lebih sesuai untuk digunakan terlebih dahulu untuk pemula.

### Cara Pertama:

Perkataan selepas Ism al-Tafdhil mestilah memenuhi **dua syarat**:

- 1- Dalam keadaan **mufrad**.
- 2- Tiada **أل**.

### Contoh 1:

*“Dialah perempuan paling cantik yang pernah aku lihat dalam hidupku.”*

هِيَ أَجْمَلُ وَاحِدَةً اللَّيْ شُوفْتَهَا فِي حَيَاتِي

حَيَاتِي	فِي	شُوفْتَهَا	الَّتِي	وَاحِدَةً	أَجْمَلُ	هِيَ
Hidupku.	dalam	Pernah aku lihat	Yang	perempuan	Paling cantik	Dia (P)
Hayaa ti.	Fe	shuftaha	Elli	wahda	agmal	hiyya

Perrkataan **وَاحِدَةً** hadir dalam bentuk mufrad dan tiada **أَل**.

### Contoh 2:

*“Dahulu, saya merupakan pelajar lelaki yang paling tinggi dalam kelas.”*

كُنْتُ **أَطْوَلَ** طَالِبٍ فِي الْفَصْلِ

فِي الْفَصْلِ	طَالِبٍ	أَطْوَلَ	كُنْتُ
Dalam kelas	Pelajar	Paling Tinggi	Dahulu saya

Fel dasl	tholib	atwal	kunt
----------	--------	-------	------

## Cara Kedua

Sekiranya perkataan selepas ism al-Tafdhil **ada** أَلِ maka perkataan tersebut mesti berada dalam keadaan jamak ataupun dari sudut maknanya, perkara tersebut boleh dibahagi-bahagikan.

Ini bererti, perkataan selepas Ism al-Tafdhil dalam keadaan ini mesti memenuhi dua syarat:

1- Mempunyai أَلِ.

2- Mengandungi maksud **banyak** / boleh dibahagi-bahagikan.

Maksud banyak ialah, sama ada apabila perkataan tersebut berada dalam **bentuk jama'** atau **maknanya sendiri** mengandungi maksud **banyak**.

**Contoh:**

*“Manusia yang paling baik/terbaik.”*

أَحْسَنُ النَّاسِ

Walaupun perkataan **al-Naas** tidak berada dalam bentuk jama’, namun ianya mempunyai maksud jama’.

Perkara ini dibincangkan secara terperinci dalam buku-buku tatabahasa Arab Fusha.

Namun, cukuplah untuk pembaca ketahui dan berpegang dengan cara pertama ketika ingin membina ayat dalam dialek Mesir, iaitu perkataan **selepas ism al-Tafdhil mesti mufrad dan tiada أل**.

Selepas terbiasa menggunakan cara yang pertama, barulah mula biasakan diri dengan cara yang kedua pula.

## BAB 13

### Pemilikan Menggunakan بِتَاعُ

Selain menggunakan dhamir yang bersambung dengan isim sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab 2<sup>30</sup>, kita juga boleh menggunakan perkataan **بِتَاعُ** untuk **menunjukkan pemilikan**.

Perkataan **بِتَاعُ** untuk **muzakkar**. Manakala **muannathnya** pula ialah **بِتَاعَتْ**.

Lihat contoh-contoh dibawah:

1- “Baju ini milik Ahmad.”

الْقَمِيصُ دَهَ بِتَاعُ أَحْمَدُ

أَحْمَدُ	بِتَاعُ	دَهَ	الْقَمِيصُ
Ahmad	Milik	Ini	Baju

---

<sup>30</sup> Rujuk ms. 15

<i>Ahmad</i>	<i>Bitaa'</i>	<i>Dah</i>	<i>El Amiis</i>
--------------	---------------	------------	-----------------

2- “Beg ini milik Sharif.”

الشَّنْطَةُ دِي بِتَاعِتْ شَرِيفْ

شَرِيفْ	<b>بِتَاعِتْ</b>	دِي	الشَّنْطَةُ
Sharif	Milik	Ini	Beg
<i>Shiriif</i>	<i>Bitaa 'et</i>	<i>Di</i>	<i>El Shantha</i>

**Nota:**

بِتَاعِتْ dalam ayat ini adalah muannath kerana ‘benda’ yang dimiliki iaitu الشَّنْطَةُ adalah muannath. Ini bererti muannath atau muzakkarnya perkataan بِتَاعُ bergantung kepada ‘benda’ yang dimiliki bukannya orang yang memiliki.

3- “Kedai ini milik Puan Amni.”

المَحَلّ دَهْ بِتَاعُ مَدَامْ أَمْنِي

مَدَامْ أَمْنِي	بِتَاعُ	دَهْ	المَحَلِّ
Puan Amni	Milik	Ini	Kedai
<i>Madam Amni</i>	<i>Bitaa'</i>	<i>Dah</i>	<i>El Mahall</i>

**Nota:**

بِتَاعُ dalam ayat ini ialah muzakkar kerana 'benda' yang dimiliki iaitu المحلّ muzakkar.

Perkataan بِتَاعُ ini juga boleh **bersambung dengan dhamir**. Perhatikan jadual-jadual dibawah dengan baik.

بِتَاعُ – Untuk Muzakkar

Bi taa 'ii	بِتَاعِي	أنا
Bi taa 'ak	بِتَاعِكَ	إنتَ

Bi taa 'ik	بِتَاعِكَ	إِنْتِي
Bi taa 'uh	بِتَاعُهُ	هُوَ
Bi taa' haa	بِتَاعِهَا	هِيَ
Bi taa' hum	بِتَاعَهُمْ	هُمَّ
Bi taa' ku	بِتَاعُكُو	إِنْتُو
Bi taa' na	بِتَاعِنَا	إِحْنَا

بِتَاعِثُ – Untuk Muannath

Bi taa' ti	بِتَاعِي	أنا
Bi taa' tak	بِتَاعِكَ	إِنْتِ

Bi taa' tik	بِتَاعَتِكِ	إِنْتِي
Bi taa' tu	بِتَاعَتُهُ	هُوَ
Bi taa 'et ha	بِتَاعَتِهَا	هِيَ
Bi taa 'et hum	بِتَاعَتِهِمْ	هُمَّ
Bi taa 'et ko	بِتَاعَتِكُمْ	إِنْتُمْ
Bi taa 'et na	بِتَاعَتِنَا	إِحْنَا

### 13.1. Beberapa Makna Lain Untuk بِتَاعُ

Selain daripada makna pemilikan, بِتَاعُ juga digunakan secara meluas untuk **beberapa makna lain**, antaranya:

- 1- Membawa maksud 'yang'.<sup>31</sup> Lihat contoh-contoh berikut:

---

<sup>31</sup> Dalam dialek Kelantan: "hok". Dalam dialek Kedah: "hat".

## Contoh 1

Dalam suatu keadaan, ketika sudah lama tidak berjumpa dengan seseorang lalu dia bertanya kepada kita, “*Masih ingat saya?*”. Katakanlah kita masih ingat. Lalu kita katakan kepada dia,

“*Kamu yang kat kedai jus buah-buahan tu, kan?*”

إِنَّتَ بِيَتَاغَ الْعَصِيرِ،، صَحْ؟

صَحْ	العَصِيرِ	بِيَتَاغَ	إِنَّتَ
Betul?	Kedai Jus Buah-Buahan	yang	Kamu
<i>Soh?</i>	<i>El 'Asiir</i>	<i>Bitaa'</i>	<i>Enta</i>

## Contoh 2

“Makanan ini yang kelmarin punya.”

الأكلُ دَهْ بِتَاعُ امْبَارِحُ

امْبَارِحُ	بِتَاعُ	دَهْ	الأكلُ
Kelmarin	Yang	ni	Makanan
<i>Imbaarih</i>	<i>Bitaa'</i>	<i>Dah</i>	<i>El Akl</i>

2- Digunakan apabila penutur **sengaja tidak mahu menyebut** sesuatu atau **lupa** perkara pada waktu tersebut.

## Contoh 1

“Tadi kami makan, nasi lemak, ayam bakar, syawarma dan lain-lain.”

كَلْنَا ناسي لَمَاكِ وِفْرَاخِ مَشْوِي وِشَاوْرْمَا وِالبِتَاعُ

وِالبِتَاعُ	وِشَاوْرْمَا	وِفْرَاخِ مَشْوِي	ناسي لَمَاكِ	كَلْنَا
-------------	--------------	-------------------	--------------	---------

Dan lain-lain. (Penutur tidak mampu ingat apa lagi yang telah dimakan.)	Syawarma	Ayam Bakar	Nasi lemak	Kami dah makan
<i>We el bitaa'</i>	<i>We syawarma</i>	<i>We firekh masywi</i>	<i>Nasi lemak</i>	<i>kalna</i>

## Contoh 2

"Berikan dia **benda ni**."

إِدِّي لُهُ الْبِتَاغْ دَهْ

دَهْ	الْبِتَاغْ	لُهُ	إِدِّي
<i>Ni</i>	<i>Benda</i>	<i>Kepada dia</i>	<i>Berikan</i>

<i>Dah</i>	<i>El bitaa'</i>	<i>luu</i>	<i>Iddi</i>
------------	------------------	------------	-------------

**3- Digunakan untuk menggambarkan sesuatu yang sentiasa dikaitkan dengan seseorang.**

Bitaa' el Khudoor	Penjual sayur	بِتَاغِ الْخَضَارِ
Bitaa' al Fak ha	Penjual buah	بِتَاغِ الْفَاكْهَةِ
Bitaa' el Zibaa la	Pengutip sampah	بِتَاغِ الزَّبَالَةِ
Bitaa' el Kalaam	Orang yang cakupannya banyak, buatnya tidak.	بِتَاغِ الْكَلَامِ
Bitaa' mashakil	Orang yang suka buat masalah / banyak masalah.	بِتَاغِ مَشَاكِلِ
Bitaa' kullu	Orang yang lagaknya seolah-	بِتَاغِ كُلِّهِ

	<p>olah tahu dan nak          buat semua          perkara tapi          hakikatnya satu          pun tak mahir.</p>	
--	---	--



## BAB 14

### Al-Zharf

Al-Zarf ialah perkataan-perkataan tertentu yang berkaitan dengan **masa** dan **tempat**.

1- Betikut ialah beberapa perkataan penting berkaitan **masa**:

<i>Dil wa' ti (Huruf ق disebut ء)</i>	Sekarang	دِلْوَقْتِي
<i>Kamaan Shuwayya</i>	Sekejap lagi	كَمَانَ شُوَيَّةَ
<i>Ba'd keda</i>	Selepas itu / selepas ini	بَعْدُ كَدَهْ
<i>Ba' deyn</i>	Kemudian	بَعْدِيْنَ
<i>Min shuwayya</i>	Sekejap tadi	مِنْ شُوَيَّةَ

<i>Min</i>	Sejak (dalam dialek Mesir tidak digunakan مُنْذُ)	مِنْ
<i>Hatta</i>	Sehingga	حَتَّى
<i>Imbaareh</i>	Kelmarin	اِمْبَارِحْ
<i>Awwel Imbaareh</i>	Hari sebelum kelmarin	أَوَّلْ اِمْبَارِحْ
<i>Ennaharda</i>	Hari ini	اِنِّهَارْدَهْ
<i>Bukroh</i>	Esok	بُكْرَهْ
<i>Ba'd Bukroh</i>	Lusa	بَعْدْ بُكْرَهْ
<i>El Usbu' Elli Faatet</i>	Minggu yang telah lepas	الْأُسْبُوعُ الَّتِي فَاتَتْ
<i>El Usbu' Elli Gaii</i>	Minggu yang akan datang	الْأُسْبُوعُ الَّتِي جَائِي
<i>EsShahr Elli Faat</i>	Bulan yang telah lepas	الشَّهْرُ الَّتِي فَاتَتْ

<i>EsShahr Elli Gaii</i>	Bulan yang akan datang	الشَّهْرُ الَّذِي جَائِي
<i>Essanal gayya</i>	Tahun yang akan datang	السَّنَةُ الْجَائِيَّةُ / السَّنَةُ الَّتِي الْجَائِيَّةُ
<i>Essanalli faatet</i>	Tahun yang telah lepas	السَّنَةُ الَّتِي فَاتَتْ

2- Berikut pula beberapa perkataan penting berkaitan **tempat**:

Min 'ala	Dari atas / dari depan	مِنْ عَلَى
Min 'and	Dari sesuatu tempat / daripada seseorang	مِنْ عِنْدُ
'and	Dari / dengan	عِنْدُ
Gamb	Di tepi / di sini	جَنْبُ
Wist	Di tengah	وَسْطُ

Nuss	Di tengah	نُصَّ
Fii	Di	فِي
Uddaam	Di hadapan	قُدَّامُ
Usood	Bertentangan / di hadapan	قُصَادُ
Yimiin	Di sebelah kanan	يَمِينُ
Shimaal	Di sebelah kiri	شِمَالُ
Fou'	Di atas	فَوْقُ
That	Di bawah	تَحْتُ
Gowwa	Di dalam	جُوَّةُ
Barra	Di luar	بَرَّةُ

## BAB 15

### Nombor dan Bilangan

Sebagaimana dalam bahasa Arab Fusha dan kebanyakan bahasa lain, nombor dibahagikan kepada dua:

**Pertama:** Ordinal - Nombor **mengikut turutan**, pertama, kedua, ketiga sehingga akhir.

**Kedua:** Kardinal – **Nombor biasa**, satu, dua, tiga, empat sehingga akhir.

#### 15.1. Nombor Ordinal

مُؤَنِّتٌ	مُذَكَّرٌ
أُولَى	أَوَّلٌ / أَوَّلَانِي
ثَانِيَةٌ	ثَانِي

ثَالِثٌ	ثَالِثَةٌ
رَابِعٌ	رَابِعَةٌ
خَامِسٌ	خَامِسَةٌ
سَادِسٌ	سَادِسَةٌ
سَابِعٌ	سَابِعَةٌ
تَامِنٌ	تَامِنَةٌ
تَاسِعٌ	تَاسِعَةٌ
عَاشِرٌ	عَاشِرَةٌ

## 15.2. Nombor Kardinal

Manakala berkaitan dengan nombor cardinal pula, dibahagikan kepada **dua keadaan**:

**Pertama:** Ketika nombor disebut secara **bersendirian**.

**Kedua:** Ketika nombor digandingkan dengan المعدود – benda yang dibilang.

Untuk nombor yang disebut secara sendirian, perhatikan jadual berikut:

1	Wahed	وَاحِدٌ
2	Itneen	اِثْنَيْنِ
3	Talaata	ثَلَاثَةٌ
4	Arba'a	أَرْبَعَةٌ
5	Khamsa	خَمْسَةٌ
6	Sitta	سِتَّةٌ

7	Sab'a	سَبْعَةٌ
8	Taman-ya	تَمَانِيَةٌ
9	Tis'aa	تِسْعَةٌ
10	'Ash ra	عَشْرَةٌ
11	Hidaa shar	حَدَاشِرٌ
12	Itnaa shar	إِنْتَاشِرٌ
13	Talatt taashar	تَلَاتَّاشِرٌ
14	Arba' Taashar	أَرْبَعَاتَّاشِرٌ
15	Khamas Taashar	خَمْسَاتَّاشِرٌ
16	Sittaa shar	سِتَّاشِرٌ
17	Sab'a taashar	سَبْعَاتَّاشِرٌ
18	Taman taashar	تَمَانَاتَّاشِرٌ
19	Tis'a taashar	تِسْعَاتَّاشِرٌ

20

'Ishreen

عِشْرِينَ

**Nota:**

Nombor seperti 20, 30, 40 sehingga akhir tidak ada dalam bentuk rafa'. Dalam dialek Mesir, tidak digunakan ثلاثون, عشرون , ثلاثين, عشرين -sehingga akhir- yang ada hanyalah ثلاثين عشرين, أربعون خمسون, أربعين خمسين sehingga akhir.

21	Waahed 'Ishreen	we	وَاحِدٌ وَعِشْرِينَ
22	Itneen we 'Ishreen		اِثْنَيْنِ وَعِشْرِينَ
23	Talaata 'Ishreen	we	ثَلَاثَةٌ وَعِشْرِينَ
24	Arba'a we 'Ishreen		أَرْبَعَةٌ وَعِشْرِينَ

25	Khamsa 'Ishreen	we	خَمْسَةَ وَعِشْرِينَ
26	Sitta we 'Ishreen		سِتَّةَ وَعِشْرِينَ
27	Sab'a we 'Ishreen		سَبْعَةَ وَعِشْرِينَ
28	Taman-ya 'Ishreen	we	تَمَانِيَةَ وَعِشْرِينَ
29	Tis'a we 'Ishreen		تِسْعَةَ وَعِشْرِينَ
30	Talateen		ثَلَاثِينَ
40	Arbe'een		أَرْبَعِينَ
50	Khamseen		خَمْسِينَ
60	Sitteen		سِتِّينَ
70	Sab'een		سَبْعِينَ
80	Tamaneen		تَمَانِينَ
90	Tis'een		تِسْعِينَ

100	Meyya	مِئَةٌ
101	Meyya we wahed	مِئَةٌ وَوَاحِدٌ
110	Meyya we 'ashra	مِئَةٌ وَعَشْرَةٌ
150	Meyya we khamseen	مِئَةٌ وَخَمْسِينَ
200	Miyteen	مِئَتَيْنِ
300	Tultu meyya	ثَلَاثِمِئَةٌ

400	Rub'u meyya	رُبُعِيَّةٌ
500	Khomsu meyya	خَمْسِيَّةٌ
600	Sittu meyya	سِتْمِيَّةٌ
700	Sub'u meyya	سَبْعِيَّةٌ
800	Tumnu meyya	تُمْنِيَّةٌ
900	Tis'u meyya	تِسْعِيَّةٌ
1000	Alf	أَلْفٌ
1020	Alf we 'eshreen	أَلْفٌ وَعِشْرِينَ
2000	Alfeen	أَلْفَيْنِ
3000	Talatt talaaf	ثَلَاثَاتَلَاَفٌ
4000	Arba' talaaf	أَرْبَعَاتَلَاَفٌ
5000	Khamas talaaf	خَمْسَاتَلَاَفٌ
6000	Sitt talaaf	سِتَّاتَلَاَفٌ
7000	Saba' talaaf	سَبْعَاتَلَاَفٌ
8000	Taman talaaf	تَمَانَاتَلَاَفٌ

9000	Tes'a talaaf	تِسْعَتَلَاْف
10000	'Ashar talaaf	عَشْرَ تَلَاْف
12000	Itnaashar alf	اِثْنَاَشْرَ اَلْف
50000	khamseen alf	خَمْسِيْنَ اَلْف
52000	itneen khamseen alf	اِثْنِيْنَ وَخَمْسِيْنَ اَلْف
1 juta	Melyoon	مِلْيُوْن
2 juta	etneen melyoon	اِثْنِيْنَ مِلْيُوْن
50 juta	khamseen melyoon	خَمْسِيْنَ مِلْيُوْن

### 15.3. Konsep Nombor Sebelum Ma'dud

Dalam kaedah bahasa Arab Fusha dan dialek Mesir, **nombor mesti sentiasa berada sebelum objek yang dibilang** (Arab: المَعْدُوْد) kecuali untuk nombor satu.

Dalam erti kata lain, **sebut nombor** dahulu kemudian barulah **sebut benda yang ingin dibilang**. Contoh:

“Lima orang pelajar.”

خَمْسَ تُلَّابٍ

Al-‘Adad (Nombor) : خَمْسَ

Al-Ma’dud (Benda yang dibilang): تُلَّابٍ

Dari sudut **sebutan**, untuk nombor dari **3 sehingga 10** yang berada **sebelum al-Ma’dud** (Arab:المعدود – objek yang dibilang), ada sedikit **perbezaan dengan nombor yang disebut secara bersendirian** (*tidak berada dalam kedudukan al-‘Adad wa al-Ma’dud*).

Perhatikan contoh:

<i>talat kutub</i>	3 buah buku	ثَلَاثَ كُتُبٍ
<i>arba’ kutub</i>	4 buah buku	أَرْبَعَةَ كُتُبٍ

<i>khomas kutub</i>	5 buah buku	خَمْسَ كُتُبَ
<i>sitt kutub</i>	6 buah buku	سِتَّ كُتُبَ
<i>saba' kutub</i>	7 buah buku	سَبْعَ كُتُبَ
<i>taman kutub</i>	8 buah buku	تَمَنَ كُتُبَ
<i>tisa' kutub</i>	9 buah buku	تِسْعَ كُتُبَ
<i>'asyret kutub</i>	10 buah buku	عَشْرَةَ كُتُبَ

Tajuk *al-'Adad wa al-Ma'dud* dalam dialek Mesir tidaklah terperinci sebagaimana dalam bahasa Arab Fusha. Kesimpulan perkara penting yang perlu ditekankan oleh pembaca ialah:

- 1- **Al-'Adad** sentiasa disebut **sebelum al-Ma'dud** kecuali untuk nombor satu.

2- **al-'Adad** yang datang sebelum al-Ma'dud sentiasa disebut seperti dalam jadual di atas.

3- **Al-Ma'dud** untuk nombor 3 sehingga 10 sentiasa berada dalam keadaan al-Jam' (Arab: الجمع).

4- **Al-Ma'dud** untuk selain nombor 3 sehingga 10 sentiasa berada dalam keadaan mufrad.



## 15.4. Cara Menyebut Nombor Perpuluhan

Terdapat dua cara untuk menyebut nombor perpuluhan dalam dialek Mesir.

### Cara Satu

Anggap nombor berikut sebagai contoh:

**27.85**

Cara menyebutnya:

1- Sebut **nombor biasa** sehingga habis. Dalam contoh ini ialah **27**. Maka sebutannya ialah:

سَبْعَةٌ وَعِشْرِينَ

2- **Titik perpuluhan** diganti dengan lafaz وَ.

3- Sebutkan **nombor perpuluhan** pula sehingga habis. Dalam contoh ini ialah **85**. Maka sebutannya ialah:

خَمْسَةٌ وَتَمَانِينَ

4- Sebutkan **مِنْ** yang bermaksud ‘per’.

5- Sebutkan **nilai tempat perpuluhan**, sama ada, per sepuluh, per seratus, per seribu dan seterusnya. Dalam contoh ini, nilai tempatnya ialah per seratus iaitu **مائة**. (Baca: Meyya)

Jika kita sebutkan semuanya secara sempurna ianya akan berbunyi:

سَبْعَةٌ وَعِشْرِينَ وَخَمْسَةٌ وَتَمَانِينَ مِنْ مِائَةٍ

(Baca: *Sab’ah wa ‘ishreen wa khamasa wa tamanin min meyya.*)

Cuba sebutkan nombor di bawah menggunakan cara ini?



## Cara Dua

Cara ini **lebih mudah**. Masih menggunakan contoh yang sama, iaitu:

**27.85**

1. Sebut **nombor biasa**. Dalam contoh ini, **سبعة وعشرين**.

2. Sebutkan **titik perpuluhan**. Dalam bahasa Arab dinamakan sebagai **فاصل**.

3. Sebutkan **nombor selepas titik perpuluhan satu persatu**.

Dalam contoh ini, **ثمانية خمسة**. Jika disebutkan secara sempurna:

**سَبْعَةٌ وَعِشْرِينَ فَاصِلٌ ثَمَانِيَةٌ وَخَمْسَةٌ**

## BAB 16

### Masa, Hari, Tarikh, Bulan

#### 16.1. Masa



سَاعَةٌ اِثْنَيْنِ



سَاعَةٌ اِثْنَيْنِ وَخَمْسَةَ



سَاعَةٌ اثْنَيْنِ وَعَشْرَةَ



سَاعَةٌ اثْنَيْنِ وَرُبْعَ



سَاعَةٌ اثْنَيْنِ وَتَلْتِ



سَاعَةٌ اثْنَيْنِ وَنُصِّ إِلَّا خَمْسَةَ



سَاعَةٌ اثْنَيْنِ وَنُصِّ



سَاعَةٌ اثْنَيْنِ وَنُصِّ وَخَمْسَةَ



سَاعَةٌ ثَلَاثَةٌ إِلَّا ثَلَاثَ



سَاعَةٌ ثَلَاثَةٌ إِلَّا رُبْعَ



سَاعَةٌ ثَلَاثَةٌ إِلَّا عَشْرَةٌ



سَاعَةٌ ثَلَاثَةٌ إِلَّا خَمْسَةٌ



سَاعَةٌ ثَلَاثَةٌ

Perkataan-perkataan penting:

- 1- رُبْعٌ – 15 minit atau suku jam
- 2- ثُلُثٌ – 20 minit atau 1/3 jam.
- 3- نِصٌّ – 30 minit atau setengah jam.

**Nota:**

Bermula dengan minit 35 ke atas, masa diberitahu dengan cara menyebut jam yang selepas itu dan disertai dengan إِلاَّ.

## 16.2. Hari

Youm el Hadd	Hari Ahad	يوم الحَدِّ
Youm el Itneen	Hari Isnin	يوم الاثْنَيْنِ
Youm et Talaat	Hari Selasa	يوم التَّلَاثِ
Youm el Arba'	Hari Rabu	يوم الأَرْبَعِ
Youm el Khamees	Hari Khamis	يوم الخَمِيسِ

Youm el Gom'ah	Hari Jumaat	يوم الجمعة
Youm es Sabt	Hari Sabtu	يوم السبت

### 16.3. Tarikh

Untuk memberitahu tarikh dalam dialek Mesir, sebut sahaja **nombor** untuk **hari** ke berapa dalam bulan tersebut kemudian sebut pula **nombor bulan** tersebut **mengikut turutan**.

Sebagai contoh, kita ditanya; “Hari ini berapa hari bulan?”

أَنَّهُارِدَه كَامَ فِي الشَّهْرِ؟

Lalu kita jawab:

خَمْسَتَاشَرُ تَمَانِيَةَ (15 hari bulan 8)

Begitu juga sekiranya ditanya, “Kita sekarang dalam bulan berapa ya?”

إِحْنَا فِي شَهْرٍ كَامَ دِلْوَقْتِي

Kita jawab, شَهْرُ ثَمَانِيَةَ – bulan 8.

## BAB 17

### Gelaran Panggilan

Berikut antara panggilan-panggilan yang masyhur dalam dialek Mesir:

- 1- يَابَاشَا – Panggilan yang digunakan untuk orang-orang biasa. Kadang-kadang juga digunakan untuk merujuk kepada orang yang lebih berpangkat.
- 2- يَافَنْدِمُ – ‘Tuan’ atau ‘Cikpuan’. Digunakan untuk lelaki dan perempuan dengan lafaz yang sama.
- 3- يَارَيْسُ – ‘Boss’. Digunakan untuk berbahasa dengan orang-orang biasa juga.
- 4- يَا عُمْدَةٌ – Digunakan untuk orang-orang yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat. Ada ketika digunakan untuk membuat seseorang rasa dihormati sahaja walaupun dia tidak berpangkat.
- 5- يَا أَبْلَةٌ – ‘Cikpuan’. Digunakan untuk perempuan sahaja. Ada ketika merujuk kepada guru perempuan.

- 6- يَا أُنَيْسَةَ – ‘Cikpuan’. Biasanya digunakan untuk merujuk kepada gadis yang belum berkahwin.
- 7- يَا مَدَامَ – ‘Puan.’
- 8- يَا حَاجَّ – ‘Tuan Haji’ atau ‘Pak Haji.’
- 9- يَا حَجَّةَ – ‘Puan Hajjah’
- 10- يَا حَمَائِيَا - Panggilan untuk bapa mertua.
- 11- يَا حَمَاتِي - Panggilan untuk ibu mertua.
- 12- يَا عَمَّ – Secara literal bermaksud, ‘pak cik’. Namun, dalam beberapa keadaan juga digunakan untuk berbahasa dengan orang yang lebih kurang sebaya.
- 13- يَا بَنِي – Secara literalnya bermaksud, ‘anakku’. Namun ada ketikanya digunakan dengan rakan sebaya.
- 14- يَا مُعَلِّمَ - Digunakan untuk orang-orang yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat. Ada ketika digunakan untuk membuat seseorang rasa dihormati sahaja walaupun dia tidak berpangkat.
- 15- سَعَادَتُكَ – ‘Tuan.’
- 16- سَعَادَةُ الْبَاشَا – ‘Tuan.’ Biasanya digunakan untuk polis.

- 17- سَعَادَةُ اللّوَا – ‘Tuan.’ Biasanya digunakan untuk polis atau askar yang berpangkat tinggi.
- 18- حَضْرَتِكَ – ‘Tuan.’ Antara yang kerap digunakan dalam dialek Mesir.
- 19- حَضْرَتِكَ - ‘Puan.’ Antara yang kerap digunakan dalam dielek Mesir.
- 20- يَا اسْطَا - Kerap digunakan untuk memanggil driver microbus, bas atau teksi.
- 21- يَا كَاتِبِينَ - Digunakan untuk memanggil anak-anak muda lelaki.
- 22- يَا قَمُورُ – Digunakan untuk memanggil budak kecil dalam keadaan memuji.
- 23- يَا بِنْتُ – Asalnya يَا بِنْتُ. Digunakan untuk memanggil budak perempuan. Sekiranya memanggil wanita yang sudah dewasa ianya merupakan satu penghinaan.
- 24- يَا وَا / يَا وَا – Asalnya adalah يَا وَا. ‘Wahai budak.’
- 25- يَا بِيَهْ – ‘Tuan’.
- 26- يَا بَرْنَسْ – ‘Bro’. Asalnya adalah ‘prince’. Digunakan untuk anak-anak muda yang kelihatan kemas dan stylo.

## BAB 18

### Warna

Juga seperti dalam bahasa Arab Fusha, warna dalam dialek Mesir juga mempunyai **dua bentuk**;

**Pertama:** Muzakkar

**Kedua:** Muannath

Berikut antara warna-warna yang kerap digunakan:

Maksud	Muzakkar	Muannath
Merah	أَحْمَرُ	حَمْرًا
Biru	أَزْرَقُ	زَرْقًا
Putih	أَبْيَضُ	بَيْضًا
Kuning	أَصْفَرُ	صَفْرًا

Hitam	إِسْوَدٌ	سُودًا
Hijau	أَخْضَرٌ	خَضْرًا
Oren	بُرْتُقَانِي	بُرْتُقَانِي
Kelabu	رُمَادِي	رُمَادِي
Coklat / Koko	بُنِّي	بُنِّي

### Perhatian:

Sekiranya warna menjadi sifat kepada objek yang muzakkar maka bentuk muzakkar mesti digunakan. Begitu juga sekiranya warna menjadi sifat kepada objek muannath maka bentuk muannath mesti digunakan.

1- “Beg merah.”

الشَّنْطَةُ الْحَمْرَا

2- “Baju biru.”

الْقَمِيصُ الْأَزْرَقُ

3- “Kereta warna koko.”

عَرَبِيَّةٌ بُيِّي

**Nota:** Seperti yang pembaca perhatikan, ada beberapa warna yang mempunyai bentuk yang sama sahaja ketika muzakkar dan muannath. Dalam contoh ini, perkataan بُيِّي masih dalam bentuk yang sama walaupun kereta adalah muannath.

## BAB 19

### Ism al-Dala' (Arab: اسم الدَّلْع)

Ism al-Dal' ialah **nama manja** atau **nama panggilan**. Menjadi kebiasaan orang Mesir untuk meringkaskan dan mengubah nama-nama menjadi اسم الدلع. Berikut antara nama-nama yang masyhur dan juga asalnya:

سَيِّمُو	إِسْلَامٌ
كَيِّمُو	كَرِيمٌ
حَمَادَةٌ / مَيِّدُو	أَحْمَدُ
زَيِّدُو / زُوَزُو	عَبْدُ الْعَزِيزِ
دُوْدِي	دُعَاءُ
مَيِّمُو / حُوْدَةٌ	مَحْمُودٌ

هِيمَا	إِبْرَاهِيمَ
فَطُومَ	فَاطِمَةَ
مَيْرُو	أَمِيرَةَ

Namun, nama-nama ini biasanya dipanggil oleh **ahli keluarga** atau **teman rapat** sahaja. Orang luar biasanya akan memanggil nama penuh seseorang.